

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 20

Hari Isnin

10 Ogos

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan)
USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2) - Mendahulukan Usul Perdana Menteri	(Ruangan)
USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 73(2) - Meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Negara	(Ruangan)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998	(Ruangan)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998	(Ruangan)
- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998	(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -

Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- " Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 10 Ogos 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**JENIS-JENIS UBAT -
PERBANDINGAN UBAT IMPORT DAN BUATAN DALAM NEGERI**

1. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan perbandingan ubat yang diimport dengan yang dibuat dalam negeri dari segi jumlah nilai dan jenis ubat-ubatan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, nilai pasaran ubat-ubat Malaysia bagi tahun 1997 dianggarkan berjumlah RM1 bilion. 70% daripada itu adalah diimport. Kilang-kilang ubat tempatan hanya mengeluarkan 30% daripada ubat-ubatan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan kebanyakannya adalah ubat generic manakala ubat-ubatan yang diimport terdiri daripada ubat berjenama dan di bawah hak pattern setengah syarikat antarabangsa.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan telah melulus dan mendaftarkan sebanyak 10,388 produk ubat diimport dan 7,470 produk ubat yang dibuat dalam negeri. Mengikut jenis ubat, bagi ubat preskripsi iaitu ubat yang

hanya boleh dibekalkan dengan preskripsi, 70% adalah dari yang diimport dan bagi ubat-ubat over the counter (OTC) dengan izin, dan dengan ubat-ubat tradisional 48% adalah daripada yang diimport.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan nama negara-negara di mana ubat-ubat ini diimport dan apakah program kerajaan dalam rancangannya untuk mengeluarkan ubat-ubat ini di Malaysia?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi ubat-ubat yang diimport dari luar negeri ialah 70%. Banyak negara-negara yang terlibat dan kalau hendak disenaraikan adalah panjang. Saya boleh memberikan senarai tersebut kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis dan beberapa tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan. Hampir 60 buah syarikat adalah pembuat ubat di negara kita dan mendapat galakan daripada MITI. Ubat-ubat tersebut bukan generic dan berada di bawah manufacturies.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan kerajaan untuk menambah pengeluaran ubat dalam negeri dan sekiranya ada, bilakah masanya dan dalam jangka masa sekurang-kurangnya berapa lama kita dapat mencapai 50% pengeluaran ubat dalam negeri?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sukar dijawab kerana pada setiap tahun terdapat ubat-ubat yang baru dikeluarkan. Kita tidak boleh menjangkakan berapa peratus ubat-ubatan yang ada dalam negara kita umpamanya pil viagra yang baru dan banyak lagi yang akan dikeluarkan. Oleh itu adalah sukar untuk menjawab soalan ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah kita dapati banyak juga ubat yang diimport atau dibuat di luar negara merupakan ubat palsu ataupun tiruan. Soalan saya, apakah piawaian atau garis panduan yang digunakan untuk memastikan ubat-ubat yang diimport itu adalah ubat-ubat yang benar-benar mengikut piawaian yang ditentukan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, semua ubat yang memasuki negara kita adalah berdaftar dengan pihak berkuasa iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Bahagian Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan, sebelum satu-satu ubat dipasarkan di Malaysia hendaklah didaftarkan di negara kita dan jika sesiapa yang menggunakan ubat-ubat itu boleh membuat pemeriksaan dengan pihak yang berkuasa menentukan sama ada ubat tersebut palsu atau tidak.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, setakat manakah Malaysia dapat menghasilkan jika ada, berapa jumlahnya ubat-ubatan hasil daripada kajian yang dibuat di dalam Malaysia sendiri oleh rakyat atau institusi di negara kita sendiri? Kalau tidak kenapa dan tidakkah ada langkah kerajaan kita untuk menggerakkan supaya badan-badan di negara kita atau individu membuat kajian supaya terhasil ubat-ubatan daripada sumber-sumber negara kita sendiri?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham ubat-ubatan sendiri adalah ubat-ubat herba dan tradisional di negara kita. Saya fikir itu bolehlah dan umpamanya kita ada satu jawatankuasa kajian herba telah ditubuhkan di IMR iaitu sebuah institusi pendidikan perubatan di bawah Kementerian Kesihatan untuk mengkaji ubat-ubatan herba yang terdapat di dalam negara kita, contohnya Tongkat Ali. Kita telah membuat kajian Tongkat Ali terhadap haiwan dan hasilnya kita dapati sangat memuaskan. Hasil dari kajian itu

menunjukkan Tongkat Ali mempunyai kesan aphrodisiac kepada dalam haiwan. Kajian lanjut seperti ini akan kita teruskan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Saya tidak bermaksud bertanya tentang ubat-ubat tradisi seperti herba-herba dan Tongkat Ali yang ada sekarang. Tetapi apa yang saya tanya ialah medicine biasa yang kita hasilkan sendiri. Terdapat negara kecil dan lebih mundur daripada kita umpamanya negara Cuba dapat menghasilkan pelbagai jenis ubat daripada sumber negara mereka sendiri. Kita mempunyai banyak sumber tropika yang boleh menghasilkan ubat-ubat yang boleh diterima oleh badan-badan piawai antarabangsa. Setakat ini sejauh mana kejayaan kita ataupun kita tidak pernah mencuba langsung.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini melibatkan banyak peruntukan di mana banyak sektor swasta yang terlibat. Kalau mereka datang kita akan menggalakkan dan pihak kementerian tidak terlibat dalam perkara ini. Perkara ini melibatkan banyak syarikat di banyak negara.

DOKUMEN IMIGRESEN – USAHA MEMBANTERAS SINDIKET

2. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kejayaan usaha kerajaan membanteras musuh negara dalam bidang sindiket yang memalsukan dokumen-dokumen imigresen. Adakah cadangan untuk membentangkan kertas putih mengenainya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini kegiatan sindiket-sindiket yang memalsukan dokumen-

dokumen imigresen masih dapat dikawal. Oleh yang demikian kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan kertas putih mengenainya.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, adakah sindiket-sindiket dari luar negeri yang pernah melakukan pemalsuan ada hubungan dengan pegawai-pegawai kita dalam negeri sendiri?.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada sindiket-sindiket yang beroperasi di dalam negara kita yang melibatkan warga asing dan warganegara kita dan banyak sindiket yang tidak dikatakan besar, kebanyakan itu adalah kerana mereka hendak dapat keuntungan secara cepat tanpa mengikut undang-undang. Ada juga kadangkala sindiket itu memperalatkan pegawai kerajaan dan dalam pada itu setakat ini sehingga pertengahan tahun ini kerajaan telah menggunakan ISA untuk menangkap 123 orang yang bercampur-campur, orang asing, orang tempatan, pegawai kerajaan dan sebagainya dan dokumen-dokumen yang dipalsukan itu termasuk pasport, kad pengenalan, surat beranak, resit IC dan sebagainya. Keadaan adalah terkawal.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata mengenai dengan kad pengenalan. Saya ingin tahu tentang kad pengenalan yang biru didapati pada seseorang itu diperolehi dan kemudian apabila dia hendak tukar baru, didapati kad pengenalan asal tidak betul, apakah sebabnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan yang biru kalau sekiranya didapati tidak teratur maknanya pemegang kad pengenalan itu sebenarnya bukan pemegang yang asal. Apabila penukaran kad pengenalan itu dilakukan, komputer akan menolak kalau sekiranya ada percanggahan dari segi cap jari ataupun gambar. Jadi dengan cara itu kita dapat mendedahkan semua kad pengenalan palsu, mungkin ada orang dapat sesuatu kad pengenalan sejak dulu lagi tetapi berdasarkan maklumat orang lain. Ada kadangkala sindiket ini sudah buat beberapa kad pengenalan dengan gambar-gambar yang berkaitan atau cap-cap jari yang berlainan tetapi menggunakan maklumat seorang Malaysia yang sah dan

mungkin kad pengenalan itu telah dibahagikan kepada lima atau enam orang dengan gambar-gambar yang berlainan. Itu sebabkan saya sudah banyak kali berkata operasi menukarkan kad pengenalan daripada yang plastik kepada KPT itu merupakan satu cara untuk menapis dengan baik bahawa apa yang tidak teratur itu dapat dibongkar dan dibetulkan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan dari kerajaan. Kita selalu dimaklumkan usaha-usaha untuk menghapuskan pemalsuan ini dibuat tetapi kita selalu mendengar kerja-kerja ini sentiasa dapat diusahakan atau dijalankan oleh pihak yang tertentu. Pada pandangan kerajaan adakah kerja-kerja pemalsuan ini dapat dihapuskan?.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tidak berapa jelas, tapi maksud Yang Berhormat tidak silap saya ialah bagaimana kita dapat hapuskan sama sekali kegiatan pemalsuan ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah kerja-kerja pemalsuan ini dapat dihapuskan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan tidak dapat menjamin bahawa pemalsuan itu boleh 100 peratus dihapuskan tetapi apa yang kerajaan dapat buat ialah dengan mempertingkatkan lagi cara-cara atau ciri-ciri keselamatan dengan menggunakan teknologi yang lebih canggih dari masa ke semasa untuk memperkenalkan dokumen-dokumen perjalanan, dokumen keselamatan, dokumen pengenalan yang teknologi tinggi seperti passport baru dan kad pengenalan yang baru semuanya kita guna komputer. Nampaknya cara itu sangat berkesan. Apa yang melalui manual cara semakan manusia selalunya ada kelemahan tetapi yang komputer ini kalau ada sistem yang cukup baik tapi sesuatu sistem itu pun tidak boleh digunakan lama, dari masa kesemasa kena ubahsuai supaya sebelum sindiket itu dapat memalsukan sesuatu sebab nampaknya pihak sindiket pun canggih pada masa kini mereka juga ada pengetahuan teknologi yang tinggi.

**LEBUH RAYA PERSEKUTUAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA –
JANGKAAN SIAP PEMBINAAN**

3. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek-projek lebuhraya Persekutuan di Semenanjung Malaysia akan siap dibina keseluruhannya supaya semua destinasi daripada Utara-Selatan dan Timur-Barat dan sebaliknya akan memakan masa perjalanan yang pendek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, projek Lebuhraya Persekutuan di Semenanjung Malaysia akan sentiasa berterusan. Ini bertujuan membangun keseluruhan kawasan di negara ini dan memberi kepada rakyat kemudahan perjalanan dan pengangkutan yang cepat dan selesa. Pada masa ini terdapat sepuluh projek lebuhraya yang telah disiapkan seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Utara-Selatan;
- (ii) Laluan kedua Malaysia-Singapura;
- (iii) Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah;
- (iv) Lebuhraya Seremban – Port Dickson;
- (v) Jalan Lintas Selat Klang Utara;
- (vi) Jalan Tol Jalan Kuching;
- (vii) Jambatan Pulau Pinang;
- (viii) Lebuhraya Kulim – Butterworth;
- (ix) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak; dan
- (x) Lebuhraya Shah Alam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan sesuatu projek lebuhraya pada amnya akan mengambil masa di antara 3 hingga 7 tahun. Tempoh pembinaan, antara lain bergantung kepada keupayaan membiayai projek dan skop projek berkenaan seperti panjang lebuhraya, masa untuk mengambil alih tanah yang diperlukan dan sebagainya.

Di samping sepuluh projek lebuhraya bertol yang telah disiapkan, terdapat juga beberapa lebuhraya bertol yang sedang dalam pembinaan. Projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Cheras-Kajang;
- (ii) Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru;

- (iii) Lebuhraya Sungai Besi;
- (iv) Lebuhraya Pantai Baru;
- (v) Lebuhraya Damansara – Puchong dan
- (vi) Lebuhraya Tingkat Di Atas Sg. Klang/Sg. Ampang dari Jalan Sultan Ismail ke Ampang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berjaya melaksanakan projek Lebuhraya Utara Selatan untuk menyediakan rangkaian jalan raya dari Utara dan Selatan. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada tahun 1994. Di samping itu, kerajaan telah menyiapkan projek Lebuhraya Utara – Selatan – Hubungan Tengah pada Oktober 1997. Dengan pembukaan lebuhraya ini, maka pengguna-pengguna dari Utara mempunyai perjalanan yang berterusan ke Selatan. Mereka tidak perlu memasuki Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan perhubungan darat di antara Pantai Barat dengan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kerajaan telah merancang dua lebuhraya iaitu Lebuhraya Pantai Timur dan Lebuhraya Muar - Tangkak – Segamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur sepanjang 338km akan bermula dari Bandar Karak di negeri Pahang dan tamat di Cendering di negeri Terengganu.

Lebuhraya ini merupakan laluan utama bagi menghubungkan bandar-bandar utama di Pantai Timur dengan Pantai Barat. Perjanjian konsesi bagi Lebuhraya Pantai Timur dijangka akan ditandatangani pada bulan September ini. Lebuhraya Tangkak-Segamat pula ialah sepanjang 80 kilometer. Lebuhraya ini merupakan jajaran baru yang akan bermula dari Muar menuju ke persimpangan bertingkat Lebuhraya Utara-Selatan di Tangkak. Lebuhraya ini akan berakhir di persimpangan Lebuhraya Tun Razak dan jalan pintas Segamat, di Segamat, Johor. Apabila Lebuhraya Muar-Tangkak, Segamat disiapkan, ia akan menjadi jalan raya menghubungkan ke bandar Kuantan dan seterusnya ke bandar-bandar lain di utara Pantai Timur.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut Lebuhraya Utara-

Selatan, saya nampak mungkin pihak kerajaan tidak sedar Perlis itu tidak dilalui oleh Lebuhraya Utara-Selatan, tetapi walau bagaimanapun, sekarang ini pembinaan lebuhraya daripada Changloon pergi ke Kuala Perlis sedang berjalan. Saya ingin tahu sama ada pihak kerajaan sedar pembinaan lebuhraya itu agak lembap. Mengapakah sebab-sebab berlaku sedemikian?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada apa-apa kelemahan di jalan raya kita, kementerian kita sentiasa mengawal selia pembinaan jalan ini. Pada hari ini saya tidak tahu di mana ada kelemahan, kalau dapat Yang Berhormat memberitahu, saya akan membuat tindakan susulan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tanggapan saya tadi, pembinaan lebuhraya ke Pantai Timur dari Karak hanya sampai ke Terengganu sahaja. Mengapa tidak sampai ke Kota Bharu yang amat penting dari segi politik dan ekonomi?

Tuan Yong Khoon Seng: Buat masa ini kita ada merancang untuk pembinaan lebuhraya dari Karak ke Chendering di Terengganu. Kita perlu meninjau dan tengok keadaan di negeri Kelantan, kalau suasananya adalah sesuai untuk kita lanjutkan jalan, kita akan buat.

Tuan Yang di-Pertua: Suasana macam mana tu?

Tuan Yong Khoon Seng: Politik. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selalunya pembinaan infrastruktur dikaitkan dengan ekonomi. Saya mendengar tadi jawapan daripada Yang Berhormat banyak lebuhraya yang akan diwujudkan di negara kita. Saya ingin bertanya dari segi dasarnya, adakah lebuhraya ini diwujudkan, dikaitkan dengan pengangkutan barangan daripada satu tempat ke satu tempat atau dasar mewujudkan lebuhraya cuma sekadar untuk mewujudkan jalan yang lebih baik untuk kegunaan awam sahaja kerana dari segi pengeluaran ekonominya saya tidak nampak ada eksport, perjalanan ataupun untuk kegunaan ekonomi yang begitu meluas. Saya ingin bertanya juga dari segi perjanjian untuk contract agreement bagi lebuhraya-lebuhraya yang disebutkan tadi, adakah semua pembinaan ini akan diberikan kepada PLUS Sendirian Berhad dan bagaimana perkiraan kepada tol kerana lebuhraya ini dibina daripada satu peringkat ke satu peringkat sedangkan perkiraan tol dikira

sebagai lump sum mengikut semua perjalanan dalam angka kadar bayaran yang sama? Terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kita membina jalan raya atau lebuhraya berasaskan kepada pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan terlibat. Ini adalah berasaskan kepada itu dan kedua, kita akan memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna. Yang pertama saya jawab. Semua negeri berebut-rebut untuk membina lebuhraya kerana mereka tahu ianya akan membawa pembangunan ekonomi di negeri mereka.

Yang kedua, syarikat konsesi yang membina lebuhraya ini secara penswastan akan mengira volume atau jumlah lalu lintas yang akan menggunakan lebuhraya ini. Oleh kerana membina satu lebuhraya memerlukan banyak peruntukan, kos yang tinggi, tetapi pada asasnya kerajaan prihatin kepada pengguna-pengguna, kita tetapkan satu kadar tol yang munasabah seperti yang kita ada sekarang iaitu 10.6 sen 1 kilometer.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH

4. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan Lembaga Letrik Sabah telah diswastakan dan pentadbirannya juga diambil alih oleh Tenaga Nasional Berhad, tetapi gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah masih sering berlaku, bilakah bekalan elektrik di negeri Sabah akan bebas daripada gangguan sepertimana yang berfungsi dengan baik di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Letrik Sabah akan diswastakan pada 1 September 1998. Pada masa ini pasukan pengurusan Tenaga Nasional Berhad ditempatkan di Lembaga Letrik Sabah mulai 26 Julai 1997 bagi membantu LLS dalam menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan pembekalan elektrik kepada orang ramai di negeri Sabah. Sejak kehadiran pasukan pengurusan tersebut, prestasi LLS pada keseluruhannya adalah memuaskan. Ini dapat dibuktikan dengan bilangan aduan orang ramai yang telah

dapat dikurangkan daripada 220 aduan untuk tempoh enam bulan pertama tahun lepas kepada 184 aduan untuk tempoh enam bulan kedua tahun lepas serta 173 aduan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini. Di samping itu, masalah bekalan elektrik telah dapat dikurangkan melalui perancangan dan tindakan susulan yang berkesan oleh pihak pengurusan Lembaga Letrik Sabah. Ini termasuklah pelaksanaan projek:

- (i) membaik pulih serta menaik taraf bagi sembilan stesen janakuasa Lembaga Letrik Sabah yang dahulunya sering mengalami kerosakan dan tidak diselenggara dengan baik;
- (ii) pembinaan empat projek bagi sistem penghantaran di seluruh negeri Sabah.

Adalah menjadi hasrat kerajaan supaya apabila Lembaga Letrik Sabah diswastakan dalam lebih kurang satu bulan lagi, tahap kecekapan dan mutu perkhidmatan pembekalan elektrik di negeri Sabah akan dipertingkatkan lagi.

KONTRAK PAYUNG - AGIHAN KEPADA KONTRAKTOR KECIL

5. **Dato' Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan memandangkan baru-baru ini terdapat dakwaan syarikat wibawa yang mendapat kontrak kementerian (Sistem Payung) tetapi tidak mengagihkan kepada kontraktor-kontraktor kecil:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh kementerian dalam mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) apakah kementerian mempunyai alternatif lain yang mana agihan kerja kepada kontraktor-kontraktor kecil dapat diselesaikan secara adil.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Daripada 629 projek yang dilaksanakan hanya 20 projek atau 30 projek sahaja yang dilaksanakan sendiri oleh kontraktor payung. Pelaksanaan sendiri projek berkenaan adalah

disebabkan syarikat anak payung tidak berminat kerana kedudukan projek yang agak terpencil dan pelaksanaan projek perlu disegerakan.

- (b) Bagi memastikan pengagihan kerja yang lebih adil dan seimbang di kalangan anak payung, satu garis panduan pelaksanaan AJK secara konsep payung telah disediakan. Dalam garis panduan tersebut telah dijelaskan bahawa asas pengagihan iaitu hendaklah berdasarkan nilai projek atau panjang jalan. Walau bagaimanapun, sekiranya bilangan anak payung melebihi daripada bilangan projek di sesuatu daerah, maka tidak semua anak payung yang mendapat kerja.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Soalan tambahan, baru-baru ini kerajaan telahpun membatalkan projek payung dan saya hendak tahu projek payung ini berapa jenis yang diberi melalui projek payung dan setahu saya banyak rungutan daripada pemegang lesen F tidak dapat kerja sekarang ini, tidak dapat hendak mencari makan kerana dimonopoli yang berwibawa sahaja. Jadi ini masalah yang timbul bagi kontrak-kontrak kecil.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, memang betul kerajaan telah membatalkan sistem payung mulai tahun hadapan dan jenis pemberian ini serupa juga. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya baca dalam banyak rencana ataupun dalam surat khabar dan multimedia tetapi kementerian saya tidak menerima apa-apa aduan tentang perkara ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan sistem payung ataupun secara open contract ataupun tender atau apa-apa yang kita boleh namakan tetapi kita ada hanya projek sekian juga. Kalau kita ada 100 projek, di sana kita ada 15,000 kontraktor kelas F, cara mana kita guna pun hanya 100 orang juga boleh dapat kontrak. Tinggalkan 14,900 orang tidak dapat kerja. Betul, kita mesti faham sistem ini. Selain daripada itu tidak ada penyelewengan. Kementerian saya tidak ada kena mengena dengan pemilihan

kontraktor. Kontraktor itu dipilih oleh Kementerian Kewangan, dicadang oleh Pegawai Daerah, dari Pegawai Daerah pergi kepada Pegawai Kemajuan Negeri. Apabila datang ke kementerian saya, kita buat satu siasatan, kemudian kita hantar kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewanganlah yang luluskan, kita pulang balik senarai kepada payung. Kita pulang 100 nama tetapi kita kerja hanya 10 projek kepada payung, payung macam mana boleh memuaskan 100 orang, ini kita mesti faham. Inilah situasi yang sebenar.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan berkenaan dengan pembinaan jalan kampung yang sekali gusnya terlibat secara seratus peratusnya sama ada kontraktor itu bapa ataupun emak payung, ianya anak payung semuanya bumiputera dan Melayu. Jadi saya ingin menyatakan kepada kementerian, kadang-kadang tidak ada konsisten di antara kerajaan, Menteri Kewangan membatalkan sistem payung, Menteri Pembangunan Luar Bandar kata akan teruskan dan ada pertikaian yang tidak munasabah di antara kontraktor payung dan juga anak-anak payung dan pemilihan anak-anak payung ada setengahnya menyalahkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan ada setengahnya menyalahkan kepada Kementerian Kewangan dan juga pejabat-pejabat daerah.

Soalan saya yang menjadi mangsa kepada persoalan ini iaitu dasar tidak konsisten yang diperkenalkan oleh kerajaan ialah kontraktor bumiputera. Jadi, saya minta pandangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar apakah dasar yang terbaik untuk dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjamin kesinambungan survival kontraktor bumiputera kecil yang terdapat melebihi daripada 12,000 seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan tadi, kuasa ini dipegang oleh Kementerian Kewangan, kementerian saya tidak kena mengena dengan pemberian. Kita hanya jadi satu saluran. Yang kedua, saya

faham, apabila Yang Berhormat kata kontraktor bumiputera jadi mangsa tetapi jangan lupa kontraktor bumiputera dapat faedah. Kita bukan beri kontrak kepada bukan bumiputera, orang yang dapat faedah pun orang bumiputera juga tetapi oleh kerana ada banyak huru-hara berkaitan dengan pemberian kontrak melalui sistem payung ini, kementerian cadangkan back to square one. Kita pergi ke pejabat daerah, ke akar umbi, mereka ada daftar di sana, pegawai daerah mesti tahu cara mana mereka buat kerja, jika kerja-kerja mereka memuaskan kita ikut cara itu juga. Oleh sebab itu jangan bimbang, Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan berjiwa rakyat. *[Ketawa]* Kita mesti bertimbang rasa.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DI KUALA MUDA, KEDAH - PEMBINAAN

6. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan membina lapangan terbang antarabangsa di Kuala Muda, Kedah untuk menggantikan Lapangan Terbang Bayan Lepas dibatal sama sekali. Jika benar, apakah sebab-sebab sebenarnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek lapangan terbang antarabangsa di Kuala Muda ataupun NRIA adalah satu-satunya projek yang akan diswastakan. Pada ketika ini syarikat swasta berkenaan adalah dalam proses menyediakan kajian kemungkinan terperinci mengenai projek ini. Bagaimanapun, pelaksanaan sebenarnya projek ini akan hanya dilakukan setelah keadaan ekonomi pulih kelak. Sekian, terima kasih.

HUBUNGAN DUA HALA ANTARA AHLI PARLIMEN DENGAN SINGAPURA

7. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan berhasrat untuk menghantar Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator-senator ke Singapura untuk memperbaiki hubungan dua hala dan meningkatkan semangat kejiranan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator-senator memang sering mengadakan hubungan dua hala di antara kedua-dua Parlimen di masa-masa yang lepas sama ada melalui Persidangan Antara Parlimen-Parlimen Asia (AIPO) dan Persidangan Ahli-ahli Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) tetapi buat masa sekarang kerajaan tidak bercadang dan tidak perlu untuk menghantar Ahli-ahli Parlimen termasuk Senator-senator untuk melawat secara rasmi ke Singapura di dalam apa-apa urusan sekali pun.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya ini daripada Jabatan Perdana Menteri bukannya luar negeri, walau bagaimanapun saya penuh yakin dengan jawapan yang diberi tadi. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bagaimana pula reaksi pihak Ahli-ahli Parlimen Singapura, adakah mereka rasa hendak datang berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen Malaysia termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, adakah tergerak bagi mereka, pihak kerajaan tentu tahu, kalau mereka tidak hendak langsung, kami pun tidak hendak juga.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apa yang kita tahu bahawa pada 24.8.98 hingga 29.8.98 kita akan mengadakan persidangan AIPO di negara kita dan pihak Singapura telah menjawab yang mana 15 orang daripada Ahli Parlimen Singapura dan pemimpin Singapura akan datang ke persidangan itu. Jadi diperhati setakat ini pihak Singapura masih kekal dengan jawapan itu dan saya percaya pada persidangan itu mereka akan datang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kalau tidak silap saya dalam akhbar ada saya terbaca bahawa Kerajaan Singapura, beberapa menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertamanya mengatakan bahawa mereka menolak Kerajaan Singapura yang memulakan isu ataupun yang menyebabkan perselisihan antara Malaysia dengan Singapura menjadi tegang. Jadi kalau menteri-menteri pihak

Kerajaan Singapura sudah membuat kenyataan demikian, apakah pandangan pihak kerajaan kita pula?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Serupalah, dia menolak apa yang dia cakap tidak betul, kita juga menolak apa yang kita cakap adalah benar. Jadi pendirian adalah sama, setakat ini kita dengan pendirian kita yang mana kita setakat ini menghormati jiran dan perkara-perkara yang ada hubungkait di antara kedua-dua negara tetapi apabila kita mengatakan mereka seolah-olah mencari perkara yang tidak benar seolah-olah tidak mahu membuat hubungan baik dengan negara kita, mereka semua tidak mahu mengaku apa yang mereka lakukan. Jadi pendirian kita kekal, setakat yang kita telah berikan apa-apa keputusan yang telah lepas.

AKHBAR TEMPATAN MENGECEM KERAJAAN - USAHA MENGATASI

8. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan terdapatnya akhbar-akhbar tempatan yang cenderung mengecam Kerajaan daripada membantu mengatasi sesuatu masalah:

- (a) adakah Kerajaan akan menapis laporan-laporan akhbar yang membesar-besarkan masalah kecil; dan
- (b) berapakah akhbar tempatan yang telah diberi amaran kerana membuat laporan yang negatif.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa menjalankan pemeriksaan dan kajian terhadap isi kandungan laporan-laporan yang dimuatkan dalam akhbar-akhbar tempatan yang diedarkan. Sekiranya kandungan akhbar berkenaan didapati memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan atau kemoralan iaitu mengikut Peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, kerajaan akan ambil tindakan ikut Akta yang berkenaan. Sejak tahun 1996 hingga Julai, 1998, Kementerian Dalam Negeri telah memberi amaran kepada 13 penerbit akhbar kerana memuatkan laporan yang bercanggah dengan Akta Mesin dan Penerbitan 1984.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli : Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Banyak ditimbulkan isu salah guna Internet untuk mengeluarkan berita-berita yang boleh menggugat keselamatan negara, juga telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tindakan keras boleh diambil termasuk langkah di bawah ISA. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana kita hendak reconcile undang-undang yang ada dalam penerbitan bertulis seperti Akta Mesin Cetak dan sebagainya dengan cyber law ini. Adakah sudah memadai setakat undang-undang yang telah kita ada sekarang untuk menangani masalah yang begitu mengancam sekali sekarang dan boleh mengancam masa depan dalam zaman kita semua membuat persediaan untuk menghadapi dunia maklumat. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Akta Mesin Cetak memang tidak boleh diguna untuk bertindak terhadap mereka yang menyalahgunakan Internet, tetapi sebaik sahaja apa-apa maklumat yang diedarkan melalui Internet itu di 'down' load dan dicetak semula maka dengan serta merta bahan-bahan itu adalah di bawah kawalan Akta Mesin Cetak. Sesiapa yang memiliki apa yang telah dicetak daripada Internet untuk diedar, kita boleh gunakan Akta Mesin Cetak.

Pada masa kini juga saya difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sebenarnya Akta Telekom telah pun ada, boleh diguna untuk bertindak, dan sekarang satu pindaan undang-undang sedang digubal dan undang-undang yang akan diluluskan dalam Dewan ini pun akan memberi kawalan yang sesuai terhadap Internet ataupun penggunaan maklumat (information technology). Sebagai satu maklumat terkini saya faham apa yang Yang Berhormat cuba hendak tanya kerana baru-baru ini sudah banyak isu melalui Internet, sebenarnya pihak polis sedang mengkaji. Kita akan gunakan cara sejauh mana yang boleh, kita akan soal siasat sesiapa sahaja yang cuba hendak menyebarkan sesuatu khabar angin dan dia kata dia dapat dari Internet. Jadi kita akan soal siasat sesiapa sahaja dari situ satu demi satu, soal sampai dia punya sumber. Jadi saya

hendak beri nasihat kepada semua orang, kalau dia tak pasti, jangan cakap, jangan kata saya dapat dari ini, polis akan tanya dari 'Z' balik pada 'A'. Ini nampaknya hanya satu-satunya cara, kalau semua orang kata, saya tak tahu orang beritahu saya maka saya terus sebarkan khabar angin. Sebab baru-baru ini sudah dahsyat sangat, seluruh negara sudah ditakut-takutkan. Keadaan kita sebenarnya tidak ada langsung apa-apa incident terjadi, tidak ada apa-apa incident yang dikatakan pendatang tanpa izin lawan dengan orang tempatan atau apa-apa. Tidak ada satu incident pun, besar atau kecil tidak ada, terutamanya di Chow Kit yang diperkatakan oleh banyak pihak. Saya rasa inilah sebagai satu penjelasan terkini.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hanya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri kita mengesahkan bahawa betul-betulkah tidak ada senjata-senjata seperti parang itu dibeli oleh pekerja asing? Saya hendak tahulah jawapannya. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Khabar angin yang menyatakan ada pekerja asing beli parang daripada kedai-kedai bukan kali pertama, beberap bulan lalu sudah sekali timbul, semasa itu pihak polis telah siasat dan dalam dua minggu yang lalu ini, timbul lagi khabar angin ini. Polis siasat sekali lagi, semua kedai terutama kedai di Wilayah Persekutuan mengatakan tidak ada gejala seperti yang dikatakan, pekerja asing datang beli parang secara ramai-ramai, dan lagi satu logik kita perlu analisis, di Kuala Lumpur ini mana ada kedai jual parang cara besar-besaran. Memang tidak ada bisnes ini. Orang Kuala Lumpur tidak mahu parang, hanya orang kampung hendak parang untuk kerja. Jadi di Kuala Lumpur kalau mana-mana satu kedai, ia simpan banyak-banyak parang ataupun pisau senjata, dia hendak jual kepada siapa. Businessman hanya akan jual sesuatu yang laris, yang ramai orang beli. Tetapi parang ini di Kuala Lumpur dalam setahun pun tidak ada orang hendak tanya, jadi macam mana pula saya dengar khabar orang kata sudah jual 2,000 bilah dan sebagainya. Itu semua khabar angin yang tidak logik. Jadi saya haraplah Yang

Berhormat boleh bantu beritahu sesiapa. Jadi harap berhenti di situ sahajalah khabar angin itu.

**DENDA MELINDUNGI PENDATANG HARAM - JUMLAH
YANG TELAH DIKENAKAN TINDAKAN**

9. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak kerajaan meningkatkan denda dan penjara mandatori kepada sesiapa yang melindungi pendatang secara haram:

- (a) berapa ramai yang telah diambil tindakan terhadap pelindung pendatang haram (mengikut negeri) dan jumlah denda yang didapati; dan
- (b) adakah dengan langkah tersebut dapat mengurangkan kemasukan pendatang haram ke negara ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seramai 4,277 orang telah diambil tindakan kerana melindungi pendatang tanpa izin. Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan statistik denda yang dikutip berdasarkan pembahagian mengikut negeri. Kementerian Dalam Negeri berpendapat langkah ini telah pun dapat mengurangkan kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mempunyai rekod ataupun maklumat tentang ejen-ejen yang membawa masuk pendatang tanpa izin. Kalau ada berapa banyak atau ramai yang telah dikenalpasti?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ejen-ejen kalau hendak maklumat setiapnya tidak ada, tetapi bagi tekong darat yang dikatakan bertanggungjawab membawa masuk secara ramai, secara bersindiket, kerajaan telah pun gunakan ISA menangkap dan ditahan di Kem Kamunting, setakat ini ada 20 orang. Mereka inilah dikatakan tekong darat yang tidak bertanggungjawab, dan bagi yang lain-lain yang tidak menjadi ejen maknanya mereka ini hanya sebagai majikan dan mereka mengupahkan pendatang tanpa izin yang bercanggah dengan Akta Imigresen telah pun didakwa dan saya telah pun beritahu angka tadi iaitu seramai 4,000 lebih, mereka ini telah ditangkap.

PENGIMPORAN VIAGRA - KEPUTUSAN KERAJAAN

10. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Malaysia sebuah negara yang mengamalkan gaya hidup sihat dengan menggalakkan rakyatnya memakan makanan seimbang dan beriadah akan terpaksa memberikan kelulusan pengimportan viagra atas permintaan segelintir ahli masyarakat yang ingin mengambil jalan mudah untuk mengatasi masalah ketidakupayaan seksual ini dan dalam masa yang sama pula akan memberikan kemungkinan yang besar terhadap peningkatan jenayah seks di kalangan masyarakat kita yang pada saat ini pun sudah hampir mencecah 'garisan merah'.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tiga pertanyaan lagi mengenai perkara yang sama iaitu pil viagra yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat pada 8 Ogos, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu pada 13 Ogos, dan Yang Berhormat Dato' P. Krishnan 13 Ogos.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan masih belum meluluskan pendaftaran mana-mana ubat untuk rawatan mati pucuk setakat ini. PBKD sedang memproses permohonan untuk pendaftaran pil viagra untuk rawatan mati pucuk atau erectile dysfunction dengan izin, dan dijangka akan membuat keputusan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Keputusan PBKD untuk meluluskan sesuatu jenis ubat adalah berdasarkan keperluannya untuk kegunaan dalam bidang perubatan dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau masyarakat.

Kementerian Kesihatan sedar akan kesan-kesan sampingan pil viagra ini dan oleh itu pil viagra asalanya Slidenafil Citrate akan dikawal sebagai racun Bahagian I Kumpulan B di bawah Akta Racun 1952. Ini bermaksud pesakit-pesakit yang memerlukan pil viagra hendaklah diperiksa oleh pengamal perubatan sebelum dibekalkan ubat ini. Tindakan ini juga akan mengelakkan penyalahgunaan ubat ini. Pil viagra hanya boleh diimport oleh syarikat pemegang pendaftaran yang berlesen di bawah Akta Jualan Dadah 1952, disemak tahun 1989. Syarikat

ini hanya boleh membekal kepada ahli-ahli farmasi berlesen dan pengamal-pengamal perubatan mengikut peruntukan perundangan.

Kementerian Kesihatan sentiasa menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan mengutamakan makanan seimbang supaya rakyat sihat dan bebas dari jangkitan penyakit. Penggunaan ubat-ubatan hanya dipertimbangkan apabila cara lain gagal. Kementerian Kesihatan sedar akan kemungkinan peningkatan jenayah seks jika pil viagra disalahgunakan, meningkatkan pemantauan dan kawalan jualan dengan kerjasama semua pihak yang berkenaan. Dalam hal ini Kementerian Kesihatan ingin menyeru semua pihak khususnya ahli-ahli profesional supaya sentiasa beretika dalam pengamalannya. Orang ramai juga dinasihatkan bahawa ubat ini mempunyai risiko dan hanya boleh digunakan di bawah pengawasan pengamal perubatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

Puan Faridah binti Abu Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.11.

**SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI PENDALAMAN
KENINGAU/TENOM - RANCANGAN PEMBINAAN**

11. Puan Faridah binti Abu Hassan [di bawah S.O. (23)2] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah sekolah menengah agama di pendalaman (Keningau/Tenom) didirikan.

[Timbalan Menteri Pendidikan Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan untuk meneruskan projek-projek sekolah menengah kebangsaan agama yang masih belum siap di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Sehubungan itu tidak ada SMKA baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi seluruh negara. Setakat ini negeri Sabah telah mempunyai bilangan SMKA terbanyak di Malaysia, iaitu sebanyak enam buah yang dapat menampung permintaan pelajar di negeri Sabah.

**PENGGUNAAN MATA WANG MALAYSIA DALAM
URUSNIAGA ASING- KEBERKESANANNYA**

12. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyarankan supaya urusan jualbeli barangan dengan syarikat asing dan perkhidmatan di negara ini seperti penggunaan Pelabuhan Klang, pengangkutan kargo hendaklah diuruskan dengan mata wang Malaysia:

- (a) setakat ini sejauh manakah pelaksanaan dan berapa syarikatkah yang telah berbuat demikian; dan
- (b) sejauhmanakah kesan-kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi negara bagi menangani masalah kegawatan di masa ini.

[Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Dato' Dr. Haji Datuk Mohd.Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di Pertua penggunaan Ringgit Malaysia di dalam urusan perdagangan dengan syarikat-syarikat asing telah lama dijalankan. Dalam tahun 1997, kira-kira 18.7% daripada eksport dan 11% daripada impot Malaysia dibayar dalam mata wang Ringgit. Di samping itu, penggunaan dolar Amerika Syarikat di dalam urusan perdagangan luar Malaysia ialah kira-kira 70%. Ekoran daripada krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia Timur, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan supaya penggunaan Ringgit dan lain-lain mata wang serantau dipertingkatkan. Saranan Perdana Menteri telah mendapat sokongan terutama di kalangan anggota ASEAN di mana persetujuan telah dicapai untuk menggunakan mata wang serantau di dalam menggalakkan perdagangan intra-ASEAN.

Bagi tujuan ini, mekanisma Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) telah dipersetujui untuk dilaksanakan. Pada 11 Julai, 1998, Malaysia dan Filipina telah memeterai perjanjian melaksanakan BPA manakala rundingan dengan Thailand dalam peringkat akhir. Beberapa negara lain seperti China, India, Pakistan dan Jepun telah menunjukkan minat untuk menggunakan mata wang sendiri dalam

perdagangan dua hala dengan Malaysia. Pada masa sekarang, kira-kira 41% perdagangan dengan Brunei, 28% perdagangan dengan Singapura, 17% perdagangan dengan Filipina dan 12% perdagangan dengan Thailand menggunakan Ringgit. Penggunaan Ringgit yang lebih meluas akan dapat menstabilkan nilainya di pasaran tukaran asing. Keadaan ini akan memberi sumbangan positif kepada usaha-usaha menangani kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang.

Tuan Yang di Pertua, mengenai penggunaan pelabuhan, apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah supaya pengimport dan pengeksport Malaysia meningkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan di dalam urusan perniagaan mereka. Ini ialah kerana ramai yang masih mengekalkan amalan menggunakan pelabuhan Singapura walaupun Malaysia telah mempunyai pelabuhan yang moden dan cekap seperti Pelabuhan Klang. Bertambahnya bilangan kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan tempatan menunjukkan usaha-usaha kerajaan mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan. Bagaimanapun tahap penggunaan pelabuhan tempatan perlu ditingkatkan lagi. Ini akan membantu ekonomi negara dengan mengurangkan pengaliran keluar bayaran perkhidmatan dan memajukan lagi industri perkhidmatan pengangkutan kargo.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Saya juga terbaca dalam akhbar kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM5 bilion kerana urusan niaga melalui pelabuhan import dan eksport barang-barang melalui Pelabuhan Singapura. Saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa di antara Malaysia/Filipina, Malaysia/Thailand, Malaysia dan berapa negara ASEAN lain lagi mungkin akan mencapai persetujuan di dalam masalah BPA. Saya ingin mendapat penjelasan setakat ini urusan perniagaan menggunakan pelabuhan Singapura itu dalam mata wang apa? Adakah dalam mata wang US, Ringgit Singapura, atau Ringgit Malaysia.

Dato' Dr. Haji. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di Pertua, bilateral payment arrangement (BPA) ada berunsurkan dua perkara, satu, berunsurkan daripada segi currency, dan satu berunsur barter trading. Kalau berunsur barter trading, katakanlah kita dengan negara China, kita menghantar kepada mereka minyak kelapa sawit, dan mereka menghantar pada kita jagung, misalnya. Selepas dikira, kita terhutang kepada mereka, oleh kerana kita import jagung banyak daripada kelapa sawit, kita akan tambah dengan menghantar kelapa sawit supaya dapat kita membayar hutang itu. Ini dikatakan barter trading.

Satu lagi mengenai currency, apa yang dilakukan ialah kita meminta Bank Negara sebagai clearing house. Jadi di situ apabila kita misalnya menjalankan perdagangan kita dengan Thailand, kita menghantar kelapa sawit, Thailand menghantar beras, misalnya. Jadi apabila kita tengok balik clearing house, tidak cukup misalnya, kita terhutang dengan Thailand kita akan bayar dalam currency yang berkenaan. Jadi ini dua cara BPA yang telah dibentangkan.

Keduanya mengenai RM5 bilion, memang betul. Oleh kerana kita menggunakan pelabuhan Singapura kita kerugian RM5 bilion dan apa yang dilakukan sekarang ini kalau kita lihat pertamanya, mengikut MIDA ada 25% investors atau pelabur datangnya daripada Singapura sendiri dan daripada 25% itu 80% ditempatkan di Johor. Jadi, oleh kerana investors, atau pelabur itu datang daripada Singapura dan menempatkan pelaburannya di Johor maka sudah tentu dia akan membawa pelaburnya untuk dieksport melalui Port Singapura tidak melalui Port Klang. Walau bagaimanapun sekarang ini kita telah minta tiga kuasa yang ada di Port Klang itu menyatukan usaha mereka, seperti yang dikatakan terminal operators, Klang Container Terminal, Klang Port Management dan juga Klang Multiterminal supaya dapat mereka bersuara sebagai satu untuk menjalankan lagi public relationnya.

Yang kedua, seperti dijawab dahulu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan yang mengatakan bahawa banyak daripada

perkapalan-perkapalan kita ini, ignorant atau tidak tahu bahawa Port Klang itu telah meningkatkan fasilitinya dan kebanyakannya daripada kita, kita cuba membuat BPA - bilateral payment arrangement sepertimana saya katakan tadi 70% daripada eksport dan import digunakan dalam US Dollars, dan itulah menyebabkan kita kerugian RM5 bilion.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Dato Abdul Aziz.

Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memandangkan dunia perdagangan ini akan berpaksi kepada Dolar Amerika dan menjelang 1999 Euro currency, mata wang Euro, adakah pihak kerajaan Malaysia berusaha dengan kerajaan-kerajaan di rantau Asia, ASEAN dan juga Jepun dan China misalnya, untuk hendak memberikan satu tunjangan baru kepada currency Asia yang mungkin menjadikan dunia mata wang ini dunia menjadi mata wang tripartite, iaitu Euro, Asia kita pilih Yen, ataupun Renminbi, tak kira yang mana satu yang dirundingkan dan American Dollar, dan ini mungkin akan mengurangkan kegawatan dari segi spekulasi mata wang dunia.

Dato' Dr. Haji. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di Pertua, BPA merupakan titik pertama. Kalau kita lihat dari sejarahnya pun, Euro Dollar ini telah pun dimuafatkan sejak 100 tahun lalu, baru sekarang dapat direalisasikan. Jadi dalam keadaan sekarang ini belum ada lagi rancangan kita untuk mengadakan satu mata wang ASEAN negara kita.

PUSAT PENJAJA DI KUALA LUMPUR – USAHA MENEMPATKAN SEMULA

13. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pusat-pusat penjaja akan didirikan dalam usaha menempatkan semula lebih kurang 36,000 penjaja di sekitar Kuala Lumpur dan apakah strategi-strategi yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memperuntukkan sebanyak 41 tapak untuk menempatkan penjaja dan 17 daripadanya telah pun dikenal pasti dan sesuai untuk membina pusat

penjaja. Selain daripada pembinaan pusat-pusat penjaja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga ada mensyaratkan dalam Perintah Pembangunan atau Development Order, dengan izin, di mana bangunan-bangunan yang tinggi mesti menyediakan pusat penjaja (food court).

Setakat ini DBKL telah pun menempatkan penjaja-penjaja di 687 unit gerai di dalam 48 buah bangunan. DBKL juga telah meluluskan lebih kurang 64 projek pembangunan lagi di mana di dalam tiap-tiap bangunan tersebut terdapat pusat-pusat penjaja. Di samping itu, bagi projek penswastaaan DBKL juga ada mensyaratkan untuk membina pasar, pusat penjaja dan arked.

Puan Faridah binti Abu Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada lesen-lesen penjaja masih lagi dikeluarkan oleh kerajaan dan adakah kerajaan dapat mengesan lesen yang dipindah milik kepada warganegara asing seperti mana kita dengar di kawasan Chow Kit?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, lesen penjaja telah dibekukan bermula sejak 16 Jun 1996. Sekarang kita ada lebih kurang 35,000 lesen di Kuala Lumpur, selepas itu kita bekukan.

Berkenaan lesen yang dipindah milik, banyak kita dengar tentang hal ini. Tetapi apabila kita memberitahu kepada penjaja dan orang ramai untuk memberitahu kepada kita terutama sekali kepada Persatuan Penjaja di Kuala Lumpur jika ada pindah milik ini sila beritahu kepada kita supaya kita tarik balik lesen ini dengan serta-merta. Tetapi sampai hari ini kita belum dapat apa-apa kompelin tentang pindah milik ini. Walau bagaimanapun, dari serbuan-serbuan yang dibuat apabila kita didapati ada pendatang-pendatang asing, kita semak dia, selalu dia beritahu kepada kita bahawa dia hanya pekerja dan pemilik lesen itu ada di situ. Jadi, masalahlah bagi penguatkuasa oleh kerana perkara ini berlaku. Jadi, kita hendak kata dia jual pun kita tidak boleh sebab orang itu ada dekat situ dan orang itu kata ini pekerja dia. Jadi, problemlah sebenarnya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pasar di kawasan Chow Kit itu akan dibangunkan oleh pihak swasta, dan jika benar saya ingin bertanya ke manakah pihak DBKL akan memindahkan pasar dan juga mereka yang sedang berniaga di kawasan yang berkenaan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memang market di Jalan Chow Kit itu akan dipindahkan. Sebenarnya projek itu telah mendapat kelulusan dan buat sementara waktu dicadangkan supaya semua penjaja yang ada di Chow Kit Road itu dipindahkan dekat dengan simpang Jalan Sentul dengan Jalan Ipoh. Kemudian, selepas dibangunkan, maka mereka akan dipindah balik ke bangunan baru di Chow Kit. Kita dapati ada 1,000 lebih penjaja-penjaja yang terlibat. Buat ketika ini kita telah beri kelulusan, tetapi bila kita tanya pemaju, dia kata dia akan buat, tetapi hari ini belum lagi buat. Kita berharap perkara ini dapat disegerakan oleh sebab Pasar Chow Kit itu sangat sesak pada ketika ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan ataupun developer satu-satu bandar membina gerai-gerai untuk penjaja. Tetapi saya agak terperanjat juga apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tadi lesen-lesen penjaja ini dibekukan. Saya tidak hairan kalau dibekukan untuk tempat-tempat tertentu, kalau dibekukan untuk keseluruhan, ini adalah tidak rasional. Sebab tambahan penjaja mengikut keperluan tempat perumahan pembeli. Ini penting dan ini membuka peluang kepada orang peniaga. Masalah pindah milik, jual kepada pendatang luar, itu masalah lain. Jadi, apakah rasional kerajaan untuk membekukan, adakah dibekukan untuk keseluruhan di Kuala Lumpur ataupun untuk kawasan tertentu?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Lesen dibekukan untuk seluruh Kuala Lumpur. Buat ketika ini kita ada lebih kurang 35,000-36,000 penjaja di Kuala Lumpur. Ini kita anggap satu angka yang besar. Kita bercadang untuk mengkaji semula lesen ini selepas Sukom nanti. Yang menempatkan semula dalam food

court dan penjaja ialah penjaja-penjaja yang banyak di kaki lima, yang mengganggu trafik, yang banyak masalah itu kita tempatkan. Kalau kita tidak dapat tempatkan mereka dan memberi tempat yang selesa kita ada 36,000 yang ada lesen dan lebih kurang 20,000 yang tidak ada lesen pun kita dapat selesaikan. Maka bertambah lagi dengan orang-orang yang baru di tempat-tempat yang baru kita buka.

Oleh sebab itu, di tempat-tempat yang baru dibuka ini kita ambil penjaja-penjaja yang sekarang ini mungkin menjaja tanpa lesen dan juga tempat-tempat yang....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Boleh minta laluan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Boleh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Yang Berhormat sebut tadi 20,000 yang tidak ada lesen, ini yang saya maksudkan.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau kita benarkan mereka minta lesen, yang tidak ada lesen 20,000 diberi lesen, kerajaan akan dapat pendapatan. Bukan makna keluar kepada perkara yang baru. Jadi, masalah yang jual tidak ada lesen pun ramai.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Memang yang tidak ada lesen ramai buat ketika ini. Sebab itu kita pun faham bahawa orang yang tidak ada lesen sebanyak 20,000. Sebab itu kita akan bincang semula selepas Sukom ini untuk memberi lesen semula. Kita kena ingat bahawa penjaja-penjaja ini mesti ikut syarat yang tertentu. Kalau kita hendak berniaga, kalau kita kerja apapun ada syarat-syaratnya yang tertentu. kalau kita kerja apa sekali pun ada syaratnya, ada qualificationnya, ada kelayakan dan sebagainya.

Tetapi di negara kita ini nampaknya penjaja tidak payah ada apa, dia pacak, dirikan empat tiang, kemudian dia bubuh bumbung, maka dia berniaga. Itu harus kita kikis pemikiran yang semacam ini. Bagaimana kalau dia sakit, bagaimanakah kalau dia tidak sihat, bagaimanakah dia ada penyakit, bagaimanakah kebersihannya,

bagaimana kesihatan dia, bagaimana air yang dia dapat, di mana dia buang sampah mestilah kita lihat, bukan dia hendak menjadi penjaja di mana-mana sahaja dia dapat buka bangku, buka meja dia boleh berniaga. Kadang-kadang kerana dia berpenyakit batuk kering, kita makan mi dia macam mana. Jadi sebab itu, semua ini mesti ada syarat dan kelulusan yang tertentu, tidak boleh penjaja buka tanpa syarat dan tanpa peruntukan yang tertentu.

Tetapi walau bagaimanapun, memandangkan kita dalam keadaan kegawatan ekonomi dan penjaja ini dapat mengurangkan tekanan ekonomi kepada kita, maka kita akan pertimbangkan semula selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 60 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 13(2)

Mendahulukan Usul Perdana Menteri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) adalah dengan ini dikemukakan:

“Bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai No. 9 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) adalah dengan ini dikemukakan:

“Bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai No. 9 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai No. 9 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 73(2)

Meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Negara

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 73(2) Peraturan Mesyuarat Dewan Negara, adalah dengan ini dikemukakan Usul untuk meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Negara mengikut seperti cadangan yang dilampirkan bersama ini dan diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA 1998**

Jawatankuasa
dan

Bacaan Kali Yang Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [6 Ogos 1998]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Minta Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab dalam Jawatankuasa.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail telah membangkitkan soalan mengenai apakah perbezaan di dalam maksud dan pemakaian peruntukan Fasal-fasal 266 dan 267. Untuk makluman, kedua-dua peruntukan berkenaan adalah saling membantu di antara satu sama lain iaitu complementary, dengan izin, dari segi menjamin kesinambungan perkhidmatan dan kebolehanterushidupan serta pemulihan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan walau apa sekali keperluan negara di masa-masa tertentu, khususnya dalam keadaan darurat awam atau bencana. Sekian, terima kasih.

Fasal 1 hingga 282 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, proses percantuman atau convergence ini adalah merupakan satu arus perkembangan teknologi di peringkat global yang memerlukan satu mekanisme serta instrumen-instrumen yang sesuai untuk membolehkan kita terus menjayakan matlamat negara untuk menjadi pelopor di dalam perkembangan industri komunikasi dan multimedia. Berdasarkan kepada cabaran-cabaran hasil daripada proses percantuman yang berlaku, satu rangka kerja dasar dan juga satu rejim kawal selia baru yang dapat merangsang dan menjayakan proses peralihan dan migrasi kepada sektor baru komunikasi dan multimedia ini adalah diperlukan. Seajar dengan dasar ketelusan kerajaan dan selaras dengan amalan-amalan kawal selia yang baik, kerajaan berpendapat adalah perlu diwujudkan institusi-institusi berasingan bagi melaksanakan keperluan-keperluan rangka kerja dasar dan rangka kerja kawal selia yang telah diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998.

Melalui langkah-langkah berasingan fungsi dan peranan ini, kerajaan percaya kita akan dapat:-

- (i) meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam proses kawal selia dan penguatkuasaan perundangan bagi menjaga kepentingan industri, pengusaha dan juga pengguna;

- (ii) memastikan keberkesanan kepada kedua-dua proses penggubalan dan pelaksanaan dasar;
- (iii) mengelakkan berlakunya duplikasi fungsi serta mengurangkan, dengan izin, conflict of interest; dan
- (iv) meningkatkan kemahiran dan kecekapan pengurusan.

Untuk tujuan tersebut, Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ini adalah dicadangkan bagi menubuhkan satu badan kawal selia khusus untuk melaksanakan rangka kerja dasar dan kawal selia sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, badan kawal selia yang dicadangkan perlu merangkumi ketiga-tiga sektor yang terlibat dan berupaya melaksanakan matlamat-matlamat rangka kerja kawal selia secara cekap dan berkesan. Skop dan bidang tugasnya perlu diperluaskan untuk meliputi aspek-aspek ekonomi, teknikal, sosial dan kepenggunaan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang dicadangkan ini adalah berbentuk sebuah pertubuhan perbadanan mengikut model Suruhanjaya Sekuriti. Ia akan bertanggungjawab kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi fungsi komunikasi dan multimedia dan akan bertindak sebagai badan kawal selia bagi sektor tersebut. Melalui penubuhan Suruhanjaya ini, kerajaan yakin akan dapat menyelaraskan strategi-strategi rangka kerja kawal selia dan regim pelesenan bagi sektor komunikasi dan multimedia dengan berkesan. Dari segi fungsi-fungsinya, suruhanjaya ini adalah bertanggungjawab antara lainnya untuk mewujudkan dan memperbaharui standard-standard, kualiti dan teknikal, kod etika serta protokol bagi pasaran komunikasi dan multimedia. Skop fungsi Suruhanjaya ini juga akan merangkumi semua tugas kawal selia di bawah lain-lain perundangan yang ditetapkan dari semasa ke semasa seperti sektor pos, pelaksanaan Akta Tandatangan Digital 1997 dan lain-lain.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pasaran yang berbilang pengusaha yang mencurigakan industri komunikasi dan multimedia ini, adalah penting, kerajaan menggalakkan pelaburan dengan mencipta persekitaran persaingan yang sihat dan pasaran yang kompetitif. Pembentukan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini sebagai satu badan kawal selia yang berwibawa dan berintegriti akan memastikan matlamat-matlamat tersebut akan dapat kita capai demi kepentingan wawasan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia dan menguatkuasakan Undang-undang Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

3.50 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong matlamat dasar kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia dengan mengadakan peruntukan Akta untuknya. Dalam usaha kerajaan menyediakan Malaysia sebagai pusat tumpuan utama dunia melalui percambahan dan pertumbuhan sumber maklumat melambangkan budaya tempatan adalah perlu peruntukan akta untuk menjamin keselamatan matlamat keutamaan rangkaian. Pasaran komunikasi yang ingin dijaja akan melengkapkan hasrat Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Dalam kegawatan ekonomi, kecekalan kerajaan meneruskan hasrat negara untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian komunikasi dan multimedia untuk kegunaan antarabangsa. Penyediaan asas untuk

permintaan teknologi dari luar negara tidak seharusnya setakat kepada kemampuan teknologi dan kemampuan pemintasan komunikasi akan menjadi halangan sekiranya disalahguna. Di harap melalui Akta ini keselamatan hak milik individu dijaga dan sebaliknya juga jika bebas tanpa kawalseliaan akan membawa implikasi negatif kepada kejayaan Multimedia Super Corridor.

Akta Komunikasi dan Multimedia ini memang memelihara keistimewaan pengeluar-pengeluar bahan perisian multimedia namun segala peraturannya digubal dalam Akta Komunikasi dan Multimedia tidak seharusnya menyekat pengguna dari menggunakannya. Seseorang pengguna akan merasa kecewa dengan pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia yang ketat dan syarat penggunaan yang dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan multimedia yang meluas juga membawa perkara-perkara yang tidak diduga. Misalnya seseorang pengguna multimedia dapat berhubung dengan dunia luar dan jika tidak dikesan atau dibiarkan sebegitu semata-mata kerana pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia, dia boleh menjadi ejen kepada dunia luar untuk memaklumkan perkara-perkara yang menjadi rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Denda yang dicadangkan adalah munasabah dan menjamin akan membawa perubahan yang drastik.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta Komunikasi dan Multimedia ini dikupas didapati segala maklumat yang disalurkan melalui Internet tidak akan ditapis sebelum ia sampai kepada pengguna. Pada asasnya untuk membuat perkara ini memanglah wajar untuk dilaksanakan, namun apabila dikaji secara lebih mendalam tentang implikasi yang akan terjadi dengan pelaksanaan Akta ini, memang sudah tentu akan wujud masyarakat yang suka meneroka unsur-unsur negatif yang akan menjejaskan generasi muda yang bakal memimpin negara, maka eloklah sekiranya Akta ini diteliti sekali lagi supaya dapat menangani masalah yang akan wujud kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Komunikasi dan Multimedia akan memberi kuasa kepada Menteri untuk bertindak apabila diperlukan. Perkara ini harus

disokong dan dijamin namun pemberian kuasa ini diharapkan supaya tidak menekan peniaga dan pengguna dan seterusnya merendahkan mutu perkhidmatan. Akta ini juga perlu menjamin pengguna multimedia secara meluas sehingga ke kawasan perkampungan. Pada kebiasaannya pengguna benda-benda baru ini seperti multimedia akan mengambil jangka masa yang begitu lama untuk sampai ke pedalaman. Apabila pelaksanaan Akta ini akan dapat menjamin pengguna multimedia secara meluas dan dapat melahirkan individu-individu yang mahir dalam penggunaan multimedia dari kawasan pedalaman.

Akta ini juga tidak jelas dalam memberi laluan kepada penyediaan bahan perisian multimedia dengan lebih meluas dan tidak hanya kepada sesuatu syarikat sahaja seperti Microsoft. Penggubalan Akta dan pelaksanaan haruslah menjadi daya tarikan kepada pengeluar-pengeluar perisian dari serata dunia. Akta ini juga perlu memberi dan menumpukan tawaran istimewa kepada penulis-penulis tempatan dalam menyediakan perisian. Pada keseluruhan Akta ini digubal sebegitu rapi dan saya menyokong penuh pelaksanaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

3.58 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang yang baru disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu jelas sekali, saya ucapkan tahniah.

Saya rasa kena pada tempatnya dan masanya pihak kerajaan mewujudkan Suruhanjaya ini sebagai satu cara kawalselia dalam zaman teknologi maklumat ini. Kita mengetahui bahawa dalam usaha-usaha kerajaan mewujudkan penswastaan, menjalankan projek-projek penswastaan telah banyak diwujudkan jabatan untuk kawalselia dan umum melihat kadang-kadang oleh kerana kekurangan kekuatan.

Jadi bagi saya langkah kerajaan mewujudkan sebuah security komunikasi dan multimedia bermodelkan Securities Commission adalah amat baik sekali, saya ucapkan tahniah.

Segala hasrat yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak kerajaan dari segi tanggungjawab dan kuasa yang ada di pihak Suruhanjaya pun amat menyeluruh dan baik cuma yang saya ingin membuat pemerhatian sedikit di sini begitu baiknya sekali dari segi bidang kuasanya saya takut bidang kuasa yang diberi kepada pihak Suruhanjaya adalah terlalu amat luas. Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan mengawalselia juga Ketua Eksekutif Suruhanjaya ini tetapi mungkin elok kita mengambil langkah yang saya panggil langkah berwaspada supaya segala kuasa yang kita berikan kepada pihak Suruhanjaya tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin dua perkataan mustahak yang patut dijadikan sebagai panduan dalam mengamalkan dan menjalankan operasi sekuriti ini ialah perkataan 'keadilan' dan 'ketelusan'. Keadilan kepada pihak pengguna dan kepada pihak pengeluar bahan-bahan, kepada pemain-pemain dalam bidang industri. Ketelusan dari segi maklumat, dari segi proses membuat keputusan penilaian dan sebagainya. Saya rasa dua perkara ini adalah amat mustahak supaya dapat kita sama-sama mengingatkan kita supaya kita tidak terjerumus dalam satu bidang yang menyebabkan pula bermula masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan apa yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mungkin tidak pada hari ini, dalam masa ia membentangkan akta, rang undang-undang sebelum ini mengatakan bahawa Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini berbentuk fleksibel, ianya boleh, dengan izin, sebagai inabler membolehkan kita mengamalkan bidang-bidang tertentu dalam dunia komunikasi dan multimedia dengan begitu baik sekali. Ini pun satu keadaan yang baik, sebab ia tidak ketat, ia

tidak begitu rigid, dengan izin, supaya ia mewujudkan satu suasana yang membolehkan industri ini memaksimumkan kreativiti dari segi kebolehan untuk berfikir dan sebagainya.

Tetapi dalam masa yang sama juga, saya ingin meminta perhatian pihak kerajaan supaya mungkin dalam mengamalkan Suruhanjaya Sekuriti ini dengan bentuk undang-undang yang agak fleksibel ini adalah agak baik kalau sekiranya di tempat-tempat yang strategik dan tertentu badan-badan yang begini amat mustahak dan strategik dilibatkan juga pihak swasta yang mempunyai pengalaman yang luas dalam industri yang sama.

Saya rasa inilah masa dan peluangnya untuk kita mengamalkan konsep perkongsian pintar di antara pihak kerajaan dan juga pihak swasta, right from Dewan, dengan izin, semasa kita hendak mewujudkan dan mengamalkan sekuriti komunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan tentang peranan syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ini. Saya pernah sebutkan bahawa ini amat mustahak sekali, lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi gawat ini. Yang saya hendak tekankan di sini ialah yang tidak pernah kita sebut lagi dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang usaha pihak kerajaan untuk mengamalkan segala bidang dalam multimedia ini dalam tujuh bidang aplikasi yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Bidang-bidang itu sepertimana yang kita tahu sekolah pintar, smart card, dengan izin, kerajaan elektronik, Electronic Commerce (E-Commerce), telemedicine, R&D cluster dan manufacturing web. Kita difahamkan bahawa

kerajaan mengambil pendekatan untuk mengamalkan ini melalui apa yang dipanggil Concept Request for Proposal (CRFP).

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mengetahui secara rasmi apakah progressnya dan apakah keputusan yang telah diberi kepada banyak syarikat-syarikat multinasional yang telah pun terlalu amat berminat untuk mengambil bahagian dalam projek raksasa ini. Kita telah pergi ke merata dunia memperkenalkan MSC. Kita telah memperkenalkan bahawa proses untuk kita melibatkan mereka dalam kerja-kerja mengimplementasikan ini ialah melalui Concept Request for Proposal, dengan izin, banyak syarikat multinasional ambil bahagian.

Syarikat-syarikat tempatan memberi reaksi bahawa seolah-olah ini adalah peluang-peluang untuk syarikat-syarikat gergasi seperti Microsoft, SUN, IBM, Hewlett Packard dan sebagainya. Mereka tertanya-tanya di manakah peluang kami, bagaimanakah kami boleh mengambil bahagian dalam projek raksaksa ini. Inilah saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini mungkin di sinilah peluangnya pihak kerajaan boleh mengenal pasti apabila membuat keputusan dalam mana-mana bidang sekalipun ataupun dalam mana-mana sektor dalam bidang yang saya sebutkan yang tujuh tadi, boleh dijadikan, boleh dikenakan syarat kepada syarikat multinasional ini supaya syarikat-syarikat tempatan dilibatkan sertamerta.

Saya rasa sudah sampai masanya pihak kerajaan mempelajari daripada sejarah kita yang silam. Sejarah kita dahulu, saya ingat 20 tahun dahulu lebih kurang, bila kita menjemput syarikat-syarikat luar negeri untuk datang membuat investment, membuat pelaburan di negara kita, kita meminta mereka memberi

kemudahan. Banyak dari mereka yang telah membuat untung dari perniagaan yang telah mereka jalankan, kemudian akhirnya baru kita kata, ah mengapa tidak, kita wujudkan satu polisi supaya kita minta syarikat besar ini memberi kerajaan-kerja kecilan sebagai support supaya dapat syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat bersama.

Kalau pengalaman itu telah kita rasai dan inilah pada fahaman saya wujudnya badan pertubuhan perbadanan khas untuk SMI ini di bawah MITI, dengan izin, sebagai satu after effect is a reactive decision, dengan izin. Kita mempunyai peluang dan projek raksasa yang besar. Saya ingat inilah masanya boleh pihak kerajaan dan mana-mana kementerian sahaja mungkin tidak secara langsung oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tetapi boleh diselaraskan juga dengan kementerian-kementerian lain yang berkenaan.

Saya rasa langkah ini adalah satu langkah yang strategik dan pintar dalam masa kita mempromosikan semua projek pintar, saya ingat langkah kita juga patut sama seimbang pintar untuk mendapat manfaat kepada syarikat-syarikat kita yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan perkara lain yang juga akan melibatkan syarikat-syarikat tempatan, tadi kita melihat kepada projek raksasa yang mungkin diberi kepada syarikat-syarikat besar melalui Concept Request for Proposal (CRFP), tetapi di samping itu kalau kita jadikan juga wujud projek-projek besar yang kita sendiri wujudkan, saya beri contoh, kalau projek besar Proton yang mula difikirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mendapat reaksi yang negatif pada awalnya kemudian oleh kerana manfaatnya yang

baik, mendapat sokongan keseluruhan rakyat. Spin-offnya apa yang dihasilkan dari projek Proton itu sendiri amat besar sekali, tak payah saya huraikan satu persatu, kita sendiri tahu, oleh kerana itulah dalam gawat ekonomi ini, apabila diambil kira apakah langkah-langkah baik untuk memulihkan ekonomi, di antara bidang yang mesti kita fokus ialah bidang kenderaan sebab efeknya adalah menyeluruh sama juga dengan projek-projek infrastruktur, pembinaan jalan, perumahan dan sebagainya yang mempunyai cabang-cabang anak-anak boleh melahirkan anak cucu cicit perniagaan yang kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya rasa inilah masanya untuk pihak kerajaan menyediakan satu kumpulan pemikir supaya dapat kita wujudkan projek-projek besar seperti Proton tetapi dalam bidang komunikasi dan multimedia.

Saya beri contoh, katakanlah kita bayangkan sekarang ini kalau kita melihat dalam Internet, terlalu banyak website, laman web, masing-masing mencuba untuk menyampaikan sesuatu maklumat dan kalau kita melihat, saya tidak mahu sebut satu persatu untuk tidak mengecilkan usaha mereka ini, tetapi begitu banyak sekali dan kadang-kadang usaha ini bertindih dari segi untuk memberi maklumat mengenai negara, mengenai perniagaan, mengenai ekonomi, mengenai pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan, syarikat-syarikat yang mengambil inisiatif yang baik ini ertinya mereka mempunyai kepakaran, ini yang kita mesti ambil iktiraf, kepakaran untuk menyediakan website. Kalau sekiranya mereka hanya melahirkan sesuatu idea melalui laman web itu hanya untuk bidang ekonomi, ertinya itulah pandangan yang mereka melihat dan itulah mereka cuba promosikan. Dan insya-Allah, kalau digabungkan sekali dengan Electronic

Commerce, mereka boleh mendapat sedikit sebanyak kewangan, tetapi kalau dibiarkan mereka ini syarikat-syarikat kecil yang ada kemahiran mencuba cara ini mungkin tidak ke mana, sudah ada pun kenyataan-kenyataan maklum balas yang mengatakan walaupun syarikat sederhana besar yang telah mencuba bidang ini dan akhirnya nampak tidak begitu mendatangkan manfaat. Kita takut maklumat-maklumat ini dan perkara-perkara ini akan menjejaskan keyakinan syarikat-syarikat lain.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau umpamanya sebagai contoh pihak kerajaan mewujudkan MINA Online. Sebagai contohnya saya sebut MINA ini sebagai Malaysian Integrated Actions Online - kalau ini kita wujudkan setaraf dengan projek Proton umpamanya mendapat perhatian keseluruhan, mendapat sokongan kerajaan, mendapat promosi pihak kerajaan, mendapat sokongan kewangan pihak kerajaan dan sebagainya, dalam serba bidang umpamanya kalau dalam maklumat pun masuk, dalam ekonomi masuk, pendidikan masuk, hiburan (entertainment) juga masuk, maklumat (news) yang boleh meredakan suasana khabar angin juga kita dapat masuk, ertinya mereka ini sudah mendapat setaraf kalau boleh saya bandingkan dengan CNN. Sama ada kita suka atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai persepsi bahawa CNN itu adalah satu kuasa sumber maklumat yang begitu palsu dan begitu credible. Baru-baru ini kita katakan boleh percaya sedikit-sedikit dan tidak boleh dipercayai semua. Tidak apalah tidak boleh percaya semua adalah satu disiplin yang pada saya kita boleh disiplinkan diri kita sendiri. Kata CNN kita baca diskaun 20%. Kalau 'source'nya seperti *Times Magazine*, *Fortune*, *Asia Week* dan sebagainya diskaun 30%. Sekurang-kurangnya kita mempunyai disiplin untuk melihat maklumat yang didedahkan dan dimuntahkan kepada kita supaya kita terjamin daripada segi apa yang boleh diterima. Tetapi kalau kita wujudkan MINA Online ini dan oleh kerana MINA Online ini mendapat pengiktirafan dan kerja ini besar, bayangkan

umpamanya kekuatan kita dalam segala projek penswastaan yang telah dimulakan pada tahun 1983. Bayangkan projek penswastaan itu sendiri yang telah menghasilkan saving, dengan izin, penjimatan wang sebanyak RM100 bilion duit kerajaan semuanya dapat dimuatkan. Banyak negara luar yang ingin mengetahui apakah rahsia kejayaan kita. Inilah maksud saya kalau ada web site yang ada credible, yang diterima takrif sebagai solid banyak, ratusan malah ribuan syarikat-syarikat kecil yang boleh kita wujudkan dan lahirkan anak, cucu, cicit dan piut yang boleh kita wujudkan daripada hanya MINA Online yang saya sebutkan.

Saya rasa kita boleh wujudkan perkara ini sebagai satu projek pseudo penswastaan. Tidak perlu tunggu satu proses penswastaan yang biasa kerana takut mengambil masa yang agak panjang oleh kerana peraturan-peraturan dan sebagainya. Sekarang kita berhadapan dengan rang undang-undang baru - Suruhanjaya hendak diwujudkan untuk mengawal ini semua. Adalah elok kalau kita wujudkan juga, initiate, mungkin dijemput pihak swasta untuk mengambil bahagian supaya perkara ini akan dapat dipromosikan secara hebat.

Tuan Yang di-Pertua, cara ini saya rasa keseluruhan industri kecil dan anak-anak muda yang mempunyai kemahiran akan dapat melihat satu gambaran yang luas selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan Wawasan 2020 dan di bawahnya ditunjukkan masyarakat madani yang juga disebut sebagai target ataupun usaha untuk mencapai melalui Rang Undang-undang ini. Cuma pecahan yang hendak kita tunjukkan ialah bagaimana peranan Rang Undang-undang ini termasuk dengan pengwujudan Suruhanjaya dapat dimanfaatkan untuk mencapai masyarakat madani dan mencapai Wawasan 2020. Anak-anak muda begitu yakin tentang industri ini tetapi mereka perlu bimbingan dan perlu dimasukkan dalam acuan perancangan strategik. Ini mungkin kekurangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan itu saya ingin sebut tentang keperluan utama industri ini. Kalau sudah kita wujudkan MINA Online dan kalau mereka ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam mengeluarkan sesuatu Laman Web dan sebagainya, apa yang diperlukan sekarang ialah kekuatan mental,

kekuatan berfikir, the mental power sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata 'Brain Power', dengan izin. Saya rasa di sinilah melalui projek yang besar ini dapat kita memimpin mereka ini dalam situasi yang realistik supaya mereka dapat belajar lebih pandai daripada syarikat-syarikat gergasi yang beroperasi dalam environment yang sama, dalam suasana tempat yang sama dan bolehlah pada saya, Tuan Yang di-Pertua, inilah peluang untuk kita melibatkan industri penulisan dan kesusasteraan yang begitu hebat on its own, dengan izin. Mereka mempunyai persatuan, PENA dan sebagainya dan saya tidak tahu berapa banyak pertubuhan dalam bidang-bidang kreatif yang ada di sana yang selalu aktif, umpamanya dengan badan kerajaan juga iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada saya kalau kita mengambil ini sebagai satu platform, dengan izin, untuk mengajak mereka yang mempunyai kebolehan berfikir secara kreatif dan memberi pengetahuan bahawa mereka juga boleh contribute dalam industri ini, kita boleh wujudkan industri ini dengan mempunyai projek MINA, projek ABC, projek XYZ dan sebagainya. Kalau projek gergasi Proton, Perodua, KLIA yang besar sebagai model, maka mereka ini bolehlah mempunyai peluang untuk menggunakan daya kreatif mereka dalam bidang-bidang lain untuk dimanfaatkan umpamanya dalam bidang perisian yang boleh menguatkan lagi produk besar yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah peluang yang terbaik untuk kita menjalankan projek-projek seperti ini dengan pendekatan yang boleh dipanggil integrated dan bersepadu. Sekiranya kita biarkan ia tumbuh sebagai cendawan bersendirian memang nampaknya ramai tumbuh, mungkin yang akan mati juga ramai, mati diam-diam tanpa kubur, tanpa bacaan talkin yang betul. Tetapi kalau sekiranya kita mewujudkan projek seperti ini kita boleh kawal dan didik untuk membangunkan dan membiakkan mereka dan ini adalah peluang untuk kita mendapatkan apa yang kita panggil 'success story' lagi untuk MSC khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tajuk 'success story' ini saya ingin menekankan sekali lagi dengan angle atau sudut yang lain bahawa dunia memang menanti dan melihat apa yang kita hendak buat lagi dalam bentuk MSC. Mereka begitu ghairah dan haus dengan apa lagi pendekatan yang kita buat. Oleh kerana itu kita patut ambil ini sebagai satu daya galakan yang lebih dan menunjukkan dengan cepat 'success story' yang sudah kita wujudkan dengan cepat dengan tidak perlu investment yang lebih sebab banyak pelaburan telah kita buat. Cuma sekarang ini pendekatan strategik sahaja yang kita hendak with incremental, dengan increment pelaburan yang agak tidak begitu banyak kita boleh mencapai kejayaan yang agak cepat di mana 'success story' inilah yang akan mendapat pengiktirafan dunia bahawa MSC Malaysia berjaya. Bukan hanya setakat berjaya dari segi perancangannya, dari segi promosinya atau dari segi pengwujudan infrastruktur dan apa-apa sahaja bangunan di MSC tetapi juga berjaya dalam bidang projek aplikasinya. Bukan sahaja berjaya dalam bidang projek aplikasi dalam tujuh aplikasi perdana melalui CRFP yang saya sebutkan tadi yang dikendalikan oleh kerajaan, juga berjaya dalam projek besar lain yang mungkin dapat dipromosikan melalui syarikat swasta.

Saya rasa dunia kini tertunggu-tunggu dan oleh kerana dunia tertunggu-tunggu eloklah sama-sama kita manfaatkan dan eloklah kita wujudkan perkongsian pintar sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap dan kalau kita bercakap tentang perkongsian pintar, saya rasa inilah bidang industri komunikasi multimedia yang amat relevan.

Sekian. Saya mohon menyokong.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ini. Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti jilid Rang Undang-undang ini, penubuhan

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia adalah wajar ditubuhkan pada masa ini demi memastikan kesediaan pihak kerajaan menghadapi beberapa cabaran dan kehendak dalam usaha pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebagai satu negara yang unggul dalam bidang komunikasi dan multimedia.

Dengan harapan yang besar dan dengan sokongan pakar yang dilantik saya berharap Suruhanjaya ini nanti dapat menjalankan peranan dan fungsi sebagai mana yang telah digariskan dalam Rang Undang-undang ini dengan baik demi pencapaian matlamat yang telah saya nyatakan tadi.

Sayugia itu kita hendaklah berhati-hati dan hendaklah mengambil ingatan bahawa perkembangan komunikasi dan multimedia ketika ini adalah merupakan sebagai satu hasrat kepada beberapa buah negara terutamanya negara maju untuk memonopoli, mengawal dan seterusnya kalau boleh akan menjajah negara-negara lain dengan bersenjata komunikasi dan multimedia. Persaingan di antara negara-negara dalam bidang ini akan menjadi kian ketara dan di Dewan yang mulia ini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi ingatan supaya kita tidak leka dan tidak akan keciciran dalam bidang ini.

Dengan itu saya juga mengharapkan agar Suruhanjaya ini bertindak kepada bentuk yang berperspektif, globalisasi dan dalam masa yang sama membuat syor kepada kerajaan untuk negara kita Malaysia bersedia dijadikan sebuah negara yang memberi manfaat kepada dunia di dalam pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu fungsi dan tanggungjawab yang berkaitan dengan penggalakan dan peningkatan pembangunan industri komunikasi dan multimedia ini di dalam bidang pendidikan dan latihan hendaklah diberi keutamaan dan idea-idea baru dengan perkara ini dan hendaklah sentiasa diadakan agar kita mendahului perkembangan ini berbanding dengan negara-negara yang lain.

Suruhanjaya ini nanti akan mempunyai tanggungjawab lebih besar dalam usaha mencelikkan masyarakat Malaysia dalam bidang komunikasi dan multimedia. Untuk maksud kawalan pula saya ingin menyeru Suruhanjaya supaya

mengadakan satu pendekatan mengawal masyarakat Malaysia daripada terdedah dengan unsur-unsur yang negatif. Kita semua sedia maklum bahawa di kalangan rakyat remaja, mereka adalah merupakan sebagai golongan yang senang terpengaruh dengan budaya luar dan satu pendekatan hendaklah ditonjolkan agar pengaruh-pengaruh negatif sebegini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengharapkan satu masa nanti Suruhanjaya ini akan dapat membuktikan ianya sebagai sebuah perbadanan yang mampu mengidentitikan diri sebagai sebuah suruhanjaya yang benar-benar dapat meletakkan imej negara di tempat yang teratas di dalam bidang komunikasi dan multimedia. Terima kasih.

4.30 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang telah membentangkan dua rang undang-undang yang begitu komprehensif mengenai komunikasi dan multimedia iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rang Undang-undang Suruhanjaya ini adalah rang undang-undang yang consequential untuk menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia. Pertubuhan Suruhanjaya dengan kuasa penyeliaan dan pengawalan komunikasi dan multimedia adalah amat penting memandangkan apa yang telah berlaku pada hari Jumaat yang lalu di mana penduduk di Kuala Lumpur telah mempercayai khabar angin mengenai rusuhan di kawasan Chow Kit.

Khabar angin ini telah mencetuskan pembelian 'panik' di kalangan pengguna, mereka telah membeli barangan asas dengan banyak sehingga beberapa supermarket telah kehabisan semua keperluan barangan asas. Insiden ini menunjukkan bahawa rakyat di bandar raya kita mudah dipengaruhi oleh khabar-khabar angin dan mereka percaya apa yang mereka dapat daripada Internet. Mereka menerima the printed word sebagai kenyataan ataupun sebagai fakta.

Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat belum menjadi suatu masyarakat madani ataupun a civil society, di mana mereka boleh mengasingkan fakta daripada fakta yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dicatatkan dalam Akta komunikasi dan Multimedia, kita harus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan satu masyarakat sivil di mana rakyat boleh menilai, menyemak dan meneliti dengan kritikal maklumat-maklumat yang didapati daripada media masa seperti media elektronik, media cetak dan sumber-sumber yang lain.

Saya menyokong kenyataan daripada beberapa ahli politik bahawa rakyat kita harus menjadikan diri mereka sebagai penapis maklumat khususnya berita-berita negatif dan khabar-khabar angin.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Saya difahamkan bahawa polis akan mendapat khidmat daripada pakar-pakar IT untuk mengesan pengkhianat-pengkhianat yang menggunakan Internet untuk menyebarkan khabar angin. Rang Undang-undang ini dalam Bahagian VI juga membenarkan mengambil penasihat teknikal dan pakar-pakar rundingan bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini. Saya ingin tahu adakah syarat-syarat yang terkandung dalam akta ini memadai untuk mengambil tindakan kepada pengkhianat-pengkhianat Internet itu yang menyebarkan maklumat palsu? Adakah syarat-syarat itu akan bercanggah dengan matlamat Akta Komunikasi dan Multimedia di mana dicatatkan "Tiada apa-apa jua dalam akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan Internet". Jika Internet tidak ditapis, bagaimana kita akan mengawal penyebaran maklumat yang palsu? Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah strategi-strategi kawal selia yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos? Satu strategi yang penting ialah bagi mempertingkatkan computer literacy ataupun celik komputer di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah mengutip beberapa komputer lama dan mendermakan

komputer-komputer itu kepada sekolah-sekolah rendah di negara kita. Parti saya iaitu MIC juga berusaha untuk mempertingkatkan komputer literacy dengan mendermakan komputer-komputer kepada sekolah-sekolah luar bandar. Hasrat kita ialah semua sekolah di negara ini harus menjadi sekolah bestari.

Tuan Yang di-Pertua, peranan NGO pun amat penting dalam usaha kita untuk meningkatkan prestasi celik komputer. Jika kita mempertingkatkan taraf kemahiran dan pengetahuan mengenai pendidikan komputer, saya harap dan yakin masalah seperti yang telah dilakukan melalui Internet akan dibendung. Dengan itu saya sokong Rang-Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sekian, terima kasih.

4.35 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dalam Suruhanjaya, yang saya fikirkan perlu diberi perhatian terutamanya ialah tentang keanggotaan Suruhanjaya yang disebut di sini akan berjumlah sebanyak tidak lebih daripada 5 orang, mengikut Fasal 6. Saya berpendapat bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ini adalah merupakan satu Suruhanjaya yang akan mempunyai tanggungjawab yang begitu luas dan begitu khusus dan profesional dan saya berpendapat bahawa keanggotaan yang disebut di bawah Fasal 6 ini mungkin tidak mencukupi kerana ianya dianggotai oleh:

- (a) seorang pengerusi;
- (b) seorang anggota mewakili kerajaan; dan
- (c) tidak kurang daripada 2 orang tetapi tidak lebih daripada 3 orang anggota lain.

Mungkin ini tidak mencukupi kerana perlunya kita mempunyai pakar-pakar dalam komunikasi dan multimedia, dan kita tahu juga bahawa multimedia, teknologi maklumat ini memerlukan kepakaran yang tinggi dan kita juga tahu bahawa kepakaran itu akan berubah dari masa ke semasa dengan begitu pantas dan ianya memerlukan expertise yang mempunyai kepakaran yang tinggi. Ini pada

hemat saya, daripada apa yang kita lihat dalam perkembangan multimedia dan teknologi bahawa orang-orang itu perlulah mereka yang pakar kerana kalau kita lihat di bawah Fasal 16, kuasa dan fungsi Suruhanjaya ini meliputi lebih kurang yang diklasifikasikan selain daripada kuasa yang luas, ada sebanyak 10 jenis dan saya juga lihat bahawa fungsi dan kuasa ini juga merangkumi kuasa-kuasa yang begitu spesifik dan juga kuasa yang berteknologi tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa mungkin kerajaan dalam memilih keanggotaan Suruhanjaya, mungkin dalam Rang Undang-undang ini telah disebut berapa orang, tetapi mungkin dalam peraturan-peraturan boleh dicambahkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa lain dan juga diberikan apakah dia garis panduan bagi memilih anggota-anggota Suruhanjaya dan juga anggota-anggota teknikal dan juga jawatankuasa lain yang akan menganggotai dan membantu Suruhanjaya. Walaupun saya tahu Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini adalah berdasarkan kepada banyak suruhanjaya yang telah diwujudkan dalam negara ini, tetapi pada saya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini merupakan satu Suruhanjaya yang begitu unik dan memerlukan pengkhususan.

Saya juga ingin mencadangkan di dalam peraturan-peraturan mengenai keanggotaan, tugas dan garis panduan itu perlulah sepertimana yang dikatakan oleh pihak Timbalan Menteri dalam membentangkan Rang Undang-undang ini adanya ketelusan, tetapi perlulah untuk memastikan adanya transparency, dengan izin, adanya ketelusan itu ada garis panduan yang khusus kerana banyak kali kita tidak mempunyai satu garis panduan yang khas dalam peraturan-peraturan yang juga merupakan sebahagian daripada Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini, apakah sebenarnya garis panduan tersebut?

Kita banyak telah memperkatakan dalam kita memperbahaskan dan juga mencari jawapan-jawapan kepada masalah-masalah kegawatan ekonomi. Kita menyebut tentang good governance, kita juga menyebut, dengan izin,

accountability, kita juga menyebut tentang transparency, kita juga menyebut tentang good ethics. Jadi adalah wajar untuk kita mengatasi perkara-perkara yang mungkin akan timbul sebagai masalah dan juga mungkin mismanagement ataupun pengurusan yang tidak baik. Garis panduan dibuat kerana banyak rang undang-undang tidak mempunyai garis panduan. Cuma apa yang kita dapati hanyalah rang undang-undang seperti yang sedia ada tanpa ada garis panduan yang khusus, jelas dan nyata. Sudah sampailah masanya, kalau kita katakan tadi ada peruntukan-peruntukan di sini yang menyatakan ia tidak boleh mempunyai kepentingan dan jikalau mempunyai kepentingan, saya kurang pasti ada fasal menyatakan bahawa ianya perlu meletakkan jawatan. Itu sahaja yang disebut, tetapi tidak ada garis panduan yang lebih detail. Saya percaya nanti apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, apa yang dikatakan sebagai good governance, accountability dan sebagainya telah dapat diwujudkan oleh pihak yang berkenaan. Walaupun kita tahu dalam sistem perbankan yang banyak disebut akan diwujudkan satu etika ataupun satu garis panduan tentang good governance dan sebagainya, maka saya rasa perlulah ia juga sebahagian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Bahagian III, kuasa dan fungsi Suruhanjaya. Tadi saya sebutkan memang banyak dan luas dan kita tahu juga adalah merupakan tanggungjawab Suruhanjaya ini untuk memastikan menyelia, mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia dan juga menguatkuasakan Undang-undang Komunikasi dan yang kita dapati bahawa daripada sepuluh ini memang banyak disebut mengenai penguatkuasaan, pengawalseliaan, mengesyorkan reformasi-reformasi kepada Undang-undang Komunikasi dan Multimedia, mengawasi dan memantau aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia. Saya menekankan di sini bahawa pihak Suruhanjaya perlulah mengambil kira, apakah falsafah kepada perkembangan industri komunikasi dan multimedia di negara ini. Apakah matlamat ulungnya dan tentu sekalilah saya ingin menyarankan bahawa etika yang baik dan tinggi diberikan keutamaan dan perlulah kita melihat dalam kita menentukan reformasi dan juga

jenis peraturan-peraturan Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini bahawa kita perlu melihat Malaysia ini bukan sahaja sebagai pengguna multimedia tetapi ia juga merupakan pembekal-pembekal bagi pembangunan teknologi maklumat.

Begitu juga perlu difikirkan bagaimanakah kita boleh memulakan atau meng'initiate' pemindahan ilmu tentang teknologi kepada rakan-rakan tempatan kerana kita sudah tahu banyak syarikat luar negara akan masuk dan ini perlulah diberikan keutamaan bahawa wujudnya transfer knowledge. Selain daripada memikirkan ianya juga akan menjadikan multimedia ini sebagai tempat bukan sahaja untuk research and development tetapi juga sebagai sumber investment.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kuasa dan fungsi Suruhanjaya ini perlulah jelas diperkatakan sebab Rang Undang-undang ini jika nanti dibawa ke mahkamah untuk diberi tafsiran apakah maksud Fasal 16 contohnya, bagi kuasa dan fungsi Suruhanjaya maka pihak hakim akan perlu melihat balik apakah yang telah diperbahaskan dan apakah yang telah diperkatakan di dalam Parlimen semasa Rang Undang-undang ini diluluskan kerana kalau kita tidak berikan satu gambaran yang jelas, adalah agak sukar bagi hakim dan juga saya percaya bagi pihak Suruhanjaya dalam memberi interpretasi kepada apakah yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang yang telah disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya lagi sekali kita melihat kepada selain daripada kuasa yang saya juga ingin menarik perhatian kita ialah mengenai penalti-penalti yang diletakkan di dalam Rang Undang-undang ini. Saya dapati bahawa apa yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu peruntukan di mana seseorang yang didapati tidak melakukan perkara yang patut dilakukan contohnya Fasal 31, pengenaan Surcaj. Ini ialah berkaitan dengan contohnya kalau seseorang itu tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Suruhanjaya yang pemungutannya menjadi tanggungjawab. Surcaj ini adalah satu penalti yang selalu dikenakan dalam semua suruhanjaya.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dalam menentukan peraturan-peraturan nanti bahawa surcaj mungkin tentang kesesuaian surcaj. Sama ada kita hendak melihat daripada amaun ataupun surcaj itu sendiri sebagai satu penalti. Sebab saya berpendapat bahawa bidang komunikasi dan multimedia ini mungkin satu bidang yang agak berbeza daripada bidang-bidang lain yang memang diwujudkan oleh Suruhanjaya agar kita dapat memastikan bahawa sebenarnya penalti-penalti yang disebutkan memadai dengan kesalahan-kesalahan yang mmungkin akan berlaku dan kita dapati juga dalam teknologi komunikasi dan multimedia ini mungkin nanti akan ada perbezaan-perbezaan.

Saya berpendapat bahawa besar kemungkinan kita perlu melihat kepada pemakaian Rang Undang-undang ini mungkin berbeza daripada apa yang dikenakan kepada suruhanjaya-suruhanjaya yang memang banyak kita tubuhkan dalam pelbagai bidang kerana ianya perlulah bersesuaian, selari dengan perkembangan teknologi, selari dengan kehendak teknologi yang canggih yang saya berpendapat perlulah kita melihat kepada alternatif-alternatif baru ataupun perkara-perkara baru dalam menentukan penalti-penalti, dan juga dalam menentukan tentang penalti yang saya sebutkan tadi juga ada diwujudkan Lembaga Rayuan Tatatertib yang juga akan membuatkan peraturan-peraturan tatatertib yang sama juga dengan suruhanjaya-suruhanjaya yang lain.

Tetapi saya hendaklah mengingatkan kepada pihak kementerian mungkin dalam peraturan-peraturan ada kelonggaran-kelonggaran tertentu untuk kita nanti menentukan apakah tindakan tatatertib yang boleh diambil jikalau berlakunya kesalahan-kesalahan yang mungkin kita tidak dapat kita lihat waktu ini. Tidak dapat diperlihat kerana perkembangan-perkembangan teknologi yang mungkin kita sendiri tidak akan dapat lihat di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri dengan harapan bahawa Rang Undang-undang ini nanti Suruhanjaya yang akan ditubuhkan nanti ini akan berteraskan kod etika yang tinggi berdasarkan apa yang kita amalkan di negara ini, sama ada dari segi

budaya, agama dan juga ciri-ciri etika yang memang diamalkan di negara ini. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Timbalan Menteri sila jawab.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya hendak merakamkan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator kerana telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi.

Ada beberapa cadangan yang baik mengenai etika, surcaj, penalti, tentang aktiviti-aktiviti dan sebagainya, kita akan mengambil perhatian semasa kita mewujudkan peraturan-peraturan yang berkenaan pada masa kelak. Tetapi ada beberapa perkara yang spesifik yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, saya diminta memberikan sedikit penjelasan di sini. Terutama sekali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi kerana bila masa sudah tiba untuk Suruhanjaya menjalankan kerja ada juga tempat-tempat strategik di mana kita harus melibatkan orang-orang dari pihak swasta dan sebagainya.

Ini boleh dilakukan oleh kerana dalam Rang Undang-undang ini pihak Suruhanjaya boleh menjemput pakar-pakar yang tertentu untuk menyertai jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu yang boleh ditubuhkan oleh Suruhanjaya dalam akta ini.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga mengajukan soalan tentang keanggotaan Suruhanjaya terhad kepada maksimum lima orang sahaja. Pada masa ini pihak kerajaan berpendapat bahawa keahlian ataupun keanggotaan seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah mencukupi. Memang kuasa dan bidang tugas yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini yang akan dijalankan oleh pihak Suruhanjaya memang amat luas tetapi dalam Rang Undang-

undang ini iaitu dalam seksyen 15 Suruhanjaya boleh melantik ataupun menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantu suruhanjaya ataupun difikirkan perlu ataupun sesuai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Undang-undang Komunikasi dan Multimedia. Maka saranan ataupun apa yang dibangkitkan oleh Puan Kamalia ini boleh di 'cover' oleh seksyen 15 ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Marimuthu juga menyentuh tentang adakah Akta yang berkenaan ataupun akta-akta yang tertentu untuk menyekat ataupun mengawal sebaran maklumat-maklumat palsu melalui Internet.

Dalam Akta Komunikasi dan Multimedia ini memang ada fasal-fasal tertentu untuk membawa seseorang yang menyebarkan maklumat-maklumat palsu melalui Internet ini ke mahkamah. Misal kata dalam Akta Komunikasi dan Multimedia seksyen 233 ini menyatakan "...seseorang yang membuat, ataupun mewujudkan, ataupun meminta, ataupun memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu dan mengancam atau jelik sifatnya, dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain..". Kalau sekiranya seorang di bawah seksyen ini didapati bersalah dia boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun dalam Akta Komunikasi dan Multimedia, atau kedua-duanya dan hendaklah juga didenda selanjutnya sebanyak RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Dalam Akta Telekomunikasi 1950 pun yang sedia ada yang belum di review ini, dalam Akta Telekomunikasi 1950 ini, seksyen 29 juga seorang yang melakukan kesalahan yang disebutkan tadi, boleh juga jika didapati salah dalam mahkamah, dia boleh didenda tidak lebih daripada RM10,000 ataupun dipenjarakan tidak lebih 3 tahun. Maka dalam akta lama yang sedia ada pun atau dalam Akta yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini juga memang perkara ini jelas disebutkan dalam kedua-dua Akta. Maka saya mengambil kesempatan di sini memberikan amaran kepada pengguna-pengguna Internet supaya jangan

melakukan kesalahan ini, kerana ini merupakan satu kesalahan yang berat juga di dalam kedua-dua Akta, Akta yang sedia ada dan Akta yang akan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai beberapa cadangan yang lain saya suka memberikan jaminan di sini bahawa pihak kementerian akan mengambil perhatian yang serius semasa kita menubuhkan suruhanjaya dan menjalankan kerja kita pada masa kelak. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.57 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang

Undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha memulihkan ekonomi negara Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan penubuhan sebuah badan khusus yang dikenali sebagai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta. Danaharta telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan diberi kuasa khas di bawah suatu Undang-undang Persekutuan bernama Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Objektif utama Danaharta adalah untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dengan cara memperolehi, mengurus, membiayai, dan melupuskan aset dan liability. Pada 3 Ogos 1998, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan telah membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998, di Dewan yang mulia ini. Antara lain beliau menegaskan bahawa Danaharta hendaklah diberi kemudahan untuk mengambil alih pinjaman-pinjaman tidak berbayar atau non performing loan dengan izin, dari institusi-institusi kewangan. Ini akan membolehkan institusi kewangan menumpukan semula perhatian dan usaha mereka kepada aktiviti memberi pinjaman wang. Pada masa yang sama wang tunai yang dibayar oleh Danaharta bagi pembelian NPL tersebut akan membantu menambah kecairan dalam sistem kewangan.

Tuan Yang di Pertua, kerajaan menjangkakan usaha untuk ambil alih NPL melalui peruntukan yang sedia ada dan prosedur biasa akan mengambil masa yang panjang. Oleh yang demikian bagi membolehkan Danaharta bergerak dengan cekap, cepat dan berkesan Danaharta perlu diberi beberapa kelonggaran di bawah Kanun Tanah Negara. Tuan Yang di Pertua, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa berhubung dengan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Justeru itu, untuk menyelaraskan perundangan dan pentadbiran tanah dengan kehendak Akta Danaharta beberapa pengubahsuaian kepada Kanun Tanah Negara perlu diadakan.

Pengubahsuaian ini tidak boleh dibuat dalam Akta Danaharta itu sendiri kerana sebuah undang-undang Persekutuan tidak boleh menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan kuasa-kuasa kerajaan negeri kecuali di bawah Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 76(4) tersebut memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai tanah untuk negeri-negeri bagi maksud keseragaman undang-undang dan dasar.

Tuan Yang di Pertua, dalam operasi mengambil alih NPL, Danaharta tidak dapat mengelak daripada berurusan dengan tanah-tanah milik kerana tanah-tanah tersebut telah digunakan sebagai cagaran untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Cagaran ini boleh wujud dalam bentuk gadaian atau lien di bawah Kanun Tanah Negara. Akta Danaharta membolehkan Danaharta mengambil alih dan melupuskan sesuatu NPL atau aset melalui cara perletakhakkan statutory, atau dengan izin, Tuan Yang di Pertua, statutory vesting.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat perletakhakkan statutory adalah satu cara pindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya melalui saluran undang-undang. Dalam cara ini Danaharta akan dikecualikan daripada penggunaan borang-borang urusanniaga serta proses kerja yang sedia ada untuk memindahkan pemilikan mana-mana kepentingan ke atas tanah yang terlibat. Untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut Kanun Tanah Negara perlu dipinda untuk mengadakan beberapa peruntukan seperti berikut.

Satu bahagian baru iaitu Bahagian Satu B akan diwujudkan. Bahagian ini memperuntukkan bahawa Kanun Tanah Negara boleh diubahsuai untuk memudahkan pelaksanaan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998. Pengubahsuaian tersebut akan dimasukkan dalam satu jadual baru iaitu jadual kelimabelas. Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan persetujuan Majlis Tanah Negara boleh meminda Jadual Kelimabelas jika difikirkan perlu dan wajar. Dan pindaan ini hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan. Untuk tujuan ini segala prosedur dan check and balance

sedia ada akan dikekalkan bagi menjamin keutuhan undang-undang dan ianya tidak akan dipinda sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di Pertua, Jadual Kelimabelas mempunyai peruntukan-peruntukan yang memberi kemudahan dan kelonggaran kepada Danaharta seperti berikut, pindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya daripada penjual kepada Danaharta dibolehkan dibuat melalui perakuan perletakhakkan atau dengan izin, vesting certificate, yang akan dikeluarkan oleh Danaharta. Perakuan perletakhakkan adalah keterangan muktamad. Perletakhakkan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh perakuan. Pendaftar tanah akan terus mendaftarkan perletak hakkan mengikut Jadual Kelimabelas Kanun Tanah Negara.

Mengikut keadaan biasa caveat pemegang lien, caveat persendirian dan perintah larangan tidak boleh dipindah milik. Walau bagaimanapun dengan adanya pindaan baru ini setelah sekeping tanah diletak hak kepada Danaharta larangan-larangan tersebut boleh dipindahkan dengan menggunakan Borang 1(B)A dalam Jadual Kelimabelas. Danaharta akan mengambil alih kepentingan pihak penjual atas tanah tersebut manakala Tuan Yang di Pertua, hak dan kepentingan pihak ketiga ke atas tanah itu tidak terjejas.

Sebagai pemegang gadaian Danaharta diberi pilihan remedy bagi perlupusan tanah, iaitu sama ada secara lelong awam di bawah Kanun Tanah Negara atau melalui treaty persendirian, atau dengan izin, private treaty. Untuk menjaga kepentingan penggadaai sebelum penjualan secara treaty persendirian dilaksanakan pihak penggadaai akan diberi notis untuk menyelesaikan hutangnya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis. Penggadaai juga diberi peluang untuk menebus tanahnya sebelum treaty persendirian itu ditandatangani antara Danaharta dan pembeli. Harga jualan akan ditetapkan berdasarkan nilai pasaran. Penjualan melalui treaty persendirian itu akan disempurnakan dengan pengeluaran perakuan penjualan secara treaty persendirian, dan pendaftar tanah akan terus mendaftarkan tanah atas nama pemilik baru.

Danaharta juga boleh menerima faedah ke atas tanah di bawah mana-mana surat kuasa wakil atau power of attorney, dengan izin. Danaharta diberi kuasa untuk memindah milik tanah dan kepentingan ke atasnya kepada mana-mana pemeroleh atau acquaree, dengan izin, melalui cara perakuan perletakhakkan atau transfer certificate. Pindah milik seterusnya akan tertakluk kepada cara yang biasa dilaksanakan di bawah Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam perakuan perletakhakkan, segala hak dan kepentingan penjual aset akan terletak kepada Danaharta. Danaharta juga akan mengambil semua obligasi ke atas aset itu yang telah didedahkan kepadanya. Walaupun Danaharta diberi kuasa yang luas, hak-hak yang dipegang oleh mana-mana orang atau badan yang berdaftar tetap terpelihara kerana mereka boleh membuat tuntutan daripada penjual aset atau Danaharta. Namun demikian, sekatan-sekatan perundangan ke atas pemilikan tanah-tanah tertentu seperti tanah rizab Melayu, pegangan Melayu dan tanah adat yang terdapat di Negeri Sembilan dan Melaka akan terus dipatuhi. Urusan ke atas tanah-tanah sedemikian akan dikendalikan melalui dan selaras dengan Undang-undang Tanah Rizab Melayu dan Tanah Adat negeri yang berkenaan.

Pindaan kepada Kanun Tanah Negara serta pewujudan Jadual Kelimabelas akan mengelakkan kemungkinan berlakunya percanggahan di antara kehendak Akta Danaharta dan Kanun Tanah Negara. Peruntukan-peruntukan khas yang baru dalam Kanun Tanah Negara akan membolehkan Danaharta mengambil alih tanah dengan cepat, cekap dan berhemat dan seterusnya membantu memulihkan semula ekonomi negara kita.

Pemberian kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual Kelimabelas dengan persetujuan Majlis Tanah Negara akan membolehkan pengubahsuaian dibuat mengikut keperluan dari masa ke semasa. Sementara itu, pengumpulan pindaan-pindaan ini dalam sebuah Jadual akan membolehkannya dipinda secara

berasingan atau dimansuhkan apabila keperluan tidak lagi wujud kelak tanpa menjejaskan bahagian-bahagian yang lain dalam Kanun Tanah Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, undang-undang ini hanya terpakai di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memudahkan Danaharta beroperasi di Sabah dan Sarawak, kerajaan berhasrat untuk menyesuaikan Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak seperti diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar sistem perbankan negara perlu diperkukuhkan dengan segera. Penubuhan Danaharta adalah salah satu langkah yang diambil dengan membeli NPL daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Danaharta akan mengurangkan beban ini daripada mereka dan membolehkan mereka menumpukan semua perhatian mereka kepada aktiviti pinjaman. Pada masa yang sama, wang tunai yang dibayar oleh Danaharta bagi pembelian NPL akan menyuntik kecairan ke dalam sistem kewangan. Dengan ini ia akan membantu memulih ekonomi secepat mungkin.

Bagaimanapun, agar Danaharta dapat beroperasi secara berkesan dan pantas, maka ia memerlukan kuasa-kuasa khas. Kuasa-kuasa ini telah diberikan oleh Akta Danaharta. Untuk memberi kesan kepada pelaksanaan Akta Danaharta, maka Kanun Tanah Negara perlu diubahsuai agar niat dan matlamat yang murni ini tidak terhalang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan dan berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

5.17 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi dapat mengadakan satu rang undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara. Minggu yang lepas kita baru sahaja membahaskan dan meluluskan Rang Undang-undang Danaharta Nasional Berhad yang juga memberi satu kesan yang agak menyeluruh untuk mengembalikan juga ekonomi kita kepada tahap yang pernah kita agungkan.

Saya berasa sungguh terharu tadi apabila Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini. Beliau telah begitu terang dan nyata. Saya rasa tidak ada perkara yang tertinggal untuk menjelaskan rang undang-undang ini kepada Dewan yang mulia ini. Saya ucap tahniah kepada Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara adalah bertujuan untuk meminda Kanun Tanah Negara untuk membolehkan kepada pelaksanaan Danaharta Nasional Berhad dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi. Dalam rang undang-undang ini kita dapati ada dua kemudahan utama. Yang pertamanya, kita didapati tadi ialah ia membolehkan Danaharta untuk mengambil alih tanah serta juga kepentingan gadaian, pinjaman yang tidak berbayar ataupun NPL (non performing loans) dengan izin, dan juga kaedah perletakhakkan atau statutory vesting, dengan izin. Kaedah ini sudah tentu akan mengambil masa lebih cepat dan disempurnakan dengan senang dari segi kaedah pindahmilik yang biasa kita amalkan.

Keduanya, Danaharta boleh melupuskan tanah melalui kaedah-kaedah treaty ataupun private treaty, dengan izin. Oleh sebab itu, kita difahamkan tadi oleh Timbalan Menteri bahawa Fasal 4 dalam rang undang-undang ada satu Jadual baru, iaitu Jadual Kelimabelas yang mengandungi beberapa ubahsuai bagi maksud untuk memudahkan pelaksanaan Akta Danaharta Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada perkara-perkara yang hendak dibangkitkan di sini, sebabnya rang undang-undang ini adalah kebanyakannya teknikal. Oleh itu kita hendak bahaskan dengan mendalam, kita akan ada kesukaran sedikit. Pertamanya saya hendak tanya bila Danaharta ini telah dapat mengambil alih pinjaman yang banyak yang tidak berbayar tadi di Semenanjung Malaysia ini melalui perletakhakkan statutori, apakah dengan izin, reason ataupun rasional Danaharta diberi kuasa untuk menjual tanah atau kepentingannya kepada pihak yang ketiga iaitu acquiree. Sekali lagi melalui kaedah perletakhakkan statutori dan tidak melalui kaedah pindah milik yang biasa kita amalkan.

Keduanya, perenggan 4 dalam Jadual Kelima Belas ini memperuntukkan bahawa jika mana-mana tanah atau pajakan telah diletakhak kepada Danaharta, ia tidaklah tertakluk kepada caveat pemegang lien, caveat persendirian atau perintah larangan, kepentingan ataupun tuntutan pemegang lien. Caveat atau pemegang perintah larangan itu akan terus dipelihara oleh kerana caveat pemegang lien, caveat persendirian atau perintah larangan itu masih dikekalkan dalam hartanah itu. Saya hendak tanya jikalau tanah itu mempunyai satu caveat yang ketiga, ada kepentingannya, seseorang yang tanahnya telah dicagar dan diambil alih mengikut undang-undang yang kita hendak ubahsuai ini, bagaimana dengan kepentingan yang ketiga tadi. Baik, kalau dia bersetuju untuk pindah milik mengikut Form 1(B)A, tidak ada masalahlah. Tetapi jikalau kebenaran tidak diberi, sebab dia tidak hendak memberi disebabkan kepentingan-kepentingan yang tertentu yang dia tidak bersetuju dengan harga, tidak bersetuju dengan pembahagian nanti, oleh itu apakah yang akan terjadi, adakah perkara ini akan di bawa ke mahkamah?

Seterusnya juga perenggan 4 itu juga membolehkan Danaharta untuk membeli kepentingan atau tuntutan daripada pihak tersebut tadi sepertimana saya kata melalui Borang 1(B)A perletakkan. Pembelian ini adalah berdasarkan balasan yang dipersetujui bersama oleh Danaharta dan pihak-pihak tersebut. Persoalannya, apakah akan terjadi sekiranya tidak dapat membeli kepentingan atau tuntutan itu disebabkan persetujuan dari segi balasan itu tidak tercapai dengan

pihak tertentu sepertimana yang telah saya perkatakan. Seperkara lagi, siapakah yang akan menentukan penilaian ini iaitu harta yang akan diambil alih. Sudah tentu ianya berharga dan pinjamannya pun sudah ditetapkan dengan faedahnya sekali. Oleh itu pengambilan harta ini sudah tentu hendak dinilai sekali lagi dan siapakah yang akan menentukan penilaian ini jikalau ada. Bagaimana dengan seperti yang saya sebutkan tadi kebenaran daripada pihak yang ketiga yang mempunyai kepentingan dalam harta yang akan diambil alih itu.

Ketiganya, perenggan 5 – memberi kuasa kepada Danaharta untuk menjual tanah secara treaty persendirian atau private treaty, dengan izin. Dalam hubungan ini apakah Danaharta juga akan membeli tanah-tanah itu jika tanah-tanah itu tidak dapat dijual kepada pihak yang ketiga. Ini penting sebabnya jikalau seluruh tanah ini tidak dapat dijual, nanti Danaharta pula akan memegang NPL. Kalau tidak dapat dijual bagaimanakah tanah ini ataupun harta ini ataupun gadaian ini dipegang oleh Danaharta sendiri dan berapa lama?

Keempat, fasal 3 dalam rang undang-undang ini memperuntukkan di bawah seksyen 5C(2) Kanun Tanah Negara bahawa Menteri boleh dengan kelulusan Majlis Tanah Negara

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Timbalan Menteri bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Dato' Zuki menjelaskan sedikit isu yang telah dibangkitkan tadi iaitu penjualan melalui private treaty, saya tidak berapa fahamlah, minta maaf.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perenggan 5 tadi iaitu ia memberi kuasa kepada Danaharta untuk menjual tanah secara treaty persendirian atau private treaty, dengan izin. Dalam

hubungan ini apakah Danaharta juga akan membeli tanah-tanah itu jika tanah-tanah itu tidak dapat dijual kepada pihak ketiga – kepada orang lainlah, bukannya dia jual sesama sendiri, itu yang saya persoalkan.

Berbalik kepada Fasal 3 rang undang-undang ini peruntukan di bawah seksyen 5C(2) Kanun Tanah Negara bahawa Menteri boleh dengan kelulusan Majlis Tanah Negara membuat pindaan kepada Jadual Kelima Belas, jika difikirkan wajar dan munasabah untuk berbuat demikian. Oleh itu apakah jaminan bahawa apa-apa pindaan yang dibuat kemudian itu tidaklah menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang tertentu. Sebabnya kuasa yang diberi kepada Menteri ini, pada saya amat luas sekali. Kalau kita baca modifications dalam bahasa Inggeris sebab dalam bahasa Melayunya tidak ada, saya cuba cari pun tidak ada juga, jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, “modifications” includes amendments, additions, deletions, substitutions, adaptations, and non-application of any provisions”.

Jadi saya harapkan bahawa modifications ini adalah melibatkan hanya the Fifteenth Schedule, dengan izin, seksyen 5C sahaja dan tidak melibatkan seluruh Kanun Tanah Negara. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan tanah-tanah yang ada syarat tertentu di negeri-negeri, Timbalan Menteri tadi ada menyebut berkenaan dengan tanah rizab Melayu, Tanah Adat, boleh jadi termasuk tanah Orang Asli, saya pun tidak tahu.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bagaimana pula dengan tanah-tanah yang mempunyai syarat-syarat bahawa apabila tanah itu digadai mengikut gadaian biasa kepada bank yang mana Danaharta hendak mengambil alih ini, sebab itu kita meminda undang-undang ini,

bagaimanakah tanah itu mengatakan bahawa gadaian, jualan tanah ini mestilah mendapat kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli Exco atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ataupun PTG ataupun Tuan Pegawai Daerah pada suatu masa dahulu ataupun syarat-syarat tertentu yang berkehendakkan Kuasa Negeri, bagaimana, adakah pihak Danaharta boleh berbuat demikian dengan tidak merujuk kepada negeri. Jadi, kepada saya pindaan ini hanyalah untuk Fifteenth Schedule sahaja dan bukanlah untuk meminda keseluruhan Kanun Tanah Negara dengan menjejaskan hak-hak negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

5.30 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun pada petang ini bersama-sama dengan rakan-rakan bagi membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara.

Saya menuruti rakan saya merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan yang menyusun rang undang-undang ini dengan begitu kemas dan saya rasakan amat baik. Apabila kita teliti dalam rang undang-undang ini meskipun tidak dapat ruang-ruang yang merupakan 'loophole' dengan izin, akan tetapi kita harus menjaga dan kita harus berwaspada supaya rang undang-undang ini dapat berjalan dengan lancarnya kerana di dalam ayat-ayat ini ada perkataan-perkataan yang kurang sempurna kerana kadangkala apabila rang undang-undang ini dicipta atau dibuat oleh pakar undang-undang dengan tertinggalnya satu perkataan apabila rang undang-undang ini dipertikaikan atau ada satu kes di bawa ke mahkamah, perkara ini akan menjadi satu ruang kepada ahli peguam untuk mendapatkan kemenangan dan sebagainya. Jelas di sini di bawah 'lienholder's caveat or private caveat' sepatutnya 'any private caveat', bukan 'or private caveat' sahaja, 'any

private caveat' kerana caveat bukannya satu, kadangkala boleh terdapat dalam satu hak milik empat atau tiga, satu atau dua, tiga dan sampai lima pun ada dalam caveat satu hak milik. Sebagai contoh paling mudah bahawa satu tapak industri tidak kira nilainya berapa akan tetapi kadangkala kita boleh lihat tiga caveat di situ.

Pertama, lienholder's pinjaman untuk membeli tanah atau sebagainya, satu caveat, kedua lagi, dia pinjam untuk membuat bangunan kepada Bank Industri atau Bank Pembangunan, satu caveat. Lagi satu dia pinjam untuk machinery lagi satu caveat, maknanya tiga caveat telah pun terdaftar di dalam satu hak milik. Bagaimanakah untuk kita menyelesaikan masalah-masalah ini? Tadi Yang Berhormat Dato' Zuki juga bercakap mengenai masalah caveat yang banyak. Jadi saya minta pihak kementerian supaya menjalankan undang-undang ini dengan begitu sempurna supaya tidak dipertikaikan di dalam mahkamah nanti kerana pihak peguam lebih maklum, mereka jenis yang inilah mereka akan cari. Itulah sebabnya apabila kita pergi ke mahkamah kadang-kadang kita menghadapi kekalahan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya mengatakan tadi inilah peguam cari, maknanya peguam ini seolah-olah mencari kesalahan sahaja untuk mendapat keuntungan. Itulah yang sahabat saya kata dari segi imbarannya itu tetapi saya suka memberi penjelasan bahawa bukan itu. Pihak peguam menjalankan tanggungjawabnya mengikut undang-undang jadi kalau perkara itu tidak mengikut undang-undang, dia tidak akan jalankan, untuk kebaikan negara juga supaya apa yang kita luluskan di sini diikuti di mahkamah dengan bantuan dan pertolongan peguam-peguam yang ada tauliah untuk berlatih. Terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, sahabat saya Dato' Zuki. Di zaman Rasullulah (s.a.w) dahulu, seorang Kadi ditanya oleh anaknya apakah ayahnya apabila mati nanti akan mewariskan jawatan Kadi itu kepada beliau. Jadi dijawab oleh Kadi ini "Wahai anakku, tidak usahlah kamu mengambil jawatan Kadi ini", maka bertanyalah sang anak lelaki ini "Mengapakah ayahanda kita tidak boleh ambil jawatan Kadi ini", maka jawab Kadi ini "Kalau

kamu cium sebelah kanan telinga aku adalah wangi, bila kamu cium telinga kiri aku adalah busuk” kerana sebagai Kadi merupakan seorang pengadil, kadangkala apabila dia mendengar yang elok, ia wangi, kadang-kadang perkara yang salah, dia katakan betul maka busuklah sebelah telinga kirinya. Itu sejarah dalam Islam.

Jadi walau bagaimanapun, kita berbalik kepada rang undang-undang ini, caveat tadi terlampau banyak kita haruslah berhati-hati supaya di sini tidak ada ‘or any private caveat’, cuma ‘or private caveat’ sahaja. Saya ingin membuat teguran di Dewan yang mulia ini supaya pada masa akan datang, walaupun satu perkataan kerana yang pertama telah ada satu lienholder’s caveat, itu kita bersetuju. Tetapi ‘or’ itu mesti ada ‘any private caveat’, apabila pergi ke mahkamah nanti persoalan itu tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kanun Tanah Negara ini dipinda khusus untuk Danaharta. Saya bersependapat juga dengan rakan saya Dato’ Zuki iaitu untuk melupuskan hak milik ini melalui dua cara, satu dengan lelong dan satu lagi dengan jualan perjanjian, akan tetapi dapatkah kita menjamin kepentingan hak orang ramai apabila kita meluluskan satu penjualan atau pelupusan ini melalui perjanjian. Apabila kita sebut berjanji, maknanya ada lebih dan ada kurang. Adalah sepatutnya apabila setiap pelupusan ini dibuat, diadakan penilaian harta melalui penilai yang bebas tanpa diganggu oleh mana-mana pihak kerana di zaman yang serba moden dan canggih ini manusia boleh berbuat apa sahaja, dia boleh berpakat, boleh merayu dan sebagainya, lebih-lebih lagi ahli-ahli jawatankuasa atau panel Danaharta itu sahabat-sahabat atau kawan-kawan baik, di situlah yang menimbulkan keraguan. Apa salahnya kita menetapkan satu peraturan bahawa setiap perlupusan harta yang dimiliki atau diambil oleh Danaharta diberi penilaian yang sewajarnya oleh penilai swasta. Saya rasa itu amat adil kepada pihak yang mencagarkan harta dan begitu juga harta-harta ini kalau seboleh-bolehnya tertakluk juga kepada pewaris-pewaris kerana bukanlah semua harta yang digadaikan di dalam bank yang

menghadapi masalah pembayaran atau NPL yang dimiliki oleh syarikat-syarikat yang besar ataupun syarikat sendiran berhad.

Ada harta-harta hak milik yang berharga dimiliki oleh orang perseorangan, mahu tidak mahu manusia satu hari akan meninggalkan dunia ini. Jadi ditakdirkanlah harta-harta yang ditinggalkan itu dimiliki oleh waris-waris, apakah waris-waris ini diketepikan. Jadi saya rasa seharusnya rang undang-undang ini juga dan pihak kementerian memikirkan pewaris-pewaris itu juga diambil kira yang diberi hak selama sebulan atau 30 hari tempoh untuk membayar hutang yang dibuat oleh sipeninggal harta yang tersebut atau simati kerana kalau kita terus sahaja mengambil harta tersebut dan menjual dan melupuskannya dengan dua cara tadi dengan tidak memberitahu kepada waris-waris, maka saya anggap ini adalah satu penganiayaan kepada pemilik-pemilik atau kepada yang berhak ke atas harta tersebut.

Saya rasa mungkin waris-waris yang ditinggalkan itu juga berkemampuan untuk melunaskan hutang terutama hutang arwah orang tuanya. Terutama bagi umat Islam apabila orang tuanya meninggal dunia adalah kewajipan kepada yang hidup iaitu waris-waris melunaskan segala hutang yang dibuat oleh peninggalan sama ada ayah atau ibu mereka. Jadi, saya rasa haruslah dilengkapi dengan ayat-ayat atau perkataan-perkataan 'waris-waris' kepada pemilik harta kerana pewaris-pewaris harta juga diberi hak melalui undang-undang sama ada undang-undang negara atau undang-undang syarak sekali bahawa waris berhak ke atas harta yang ditinggalkan oleh kedua orang tua mereka. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

5.40 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut berbahas mengenai Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 yang telah dibentangkan sekejap tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengambil satu langkah yang wajar di tengah kita mengalami kegawatan ekonomi sekarang di mana melalui pembentangan Akta Danaharta dan diikuti pula dengan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 untuk mempermudah suntikan wang ke dalam sistem perbankan di negara kita dan seterusnya boleh mencairkan pinjaman kepada usaha-usaha atau usahawan-usahawan lain di bidang industri dan sebagainya dan akhirnya mempercepatkan pemulihan ekonomi dan ini adalah satu langkah yang jelas dan nyata untuk menyelamatkan keadaan ekonomi negara kita. Seperti yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bahawa ianya akan dilakukan secara cepat, cekap dan berhemat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan ataupun ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, bagaimana dapat pihak kementerian mengatasi, kadang-kadang sesuatu perkara yang dibuat dengan baik, dirancang dengan baik dan mempunyai pelaksanaan secara jelas, baik tetapi masih ada pihak yang kadang-kadang suka menanggung di air keruh yang mengambil kesempatan ke atas niat suci pihak kerajaan.

Kita melihat beberapa perkara termasuklah soal kegawatan ekonomi sendiri, ada pihak yang di hadapan bercakap baik, menyokong konon, tetapi di belakang di kampung-kampung di luar bandar, mereka ini bercakap lain tidak seperti berhadapan sama ada di Dewan Rakyat ataupun dalam Dewan Negara.

Begitulah juga dengan soal-soal tanah kerana tanah ini kadang-kadang perkara yang menjadi sensitif kepada masyarakat khususnya berdasarkan penelitian saya, soal tanah adalah satu perkara yang amat sensitif kerana ianya merupakan soal hak negeri ataupun hak individu yang memiliki tanah tersebut. Andai kata ada pihak yang ingin mengambil kesempatan di saat-saat kita hendak mengukuhkan ekonomi, hendak mencari perpaduan dan menghadapi cabaran negara luar, maka masih ada kelompok di dalam negara kita yang akan pergi ke kampung mengatakan pihak kerajaan sekarang menggunakan kesempatan melalui tabung ataupun Danaharta mengambil tanah secara mudah dan ini adalah satu kerja merampas tanah kerana perkara ini ada kaitan politik. Yang saya ingin mengingatkan atau mendapat jaminan dari pihak kementerian bagaimana soal ini dapat diatasi untuk meyakinkan rakyat secara umum bahawa usaha kerajaan jelas dan nyata untuk menyelesaikan masalah tanah yang tergadai, yang dicagar di bank-bank di negara kita tetapi akhirnya ada pihak lain yang ingin mengambil kesempatan mengatakan inilah usaha kerajaan secara mudah merampas tanah rakyat tanpa menyempurnakan lunas-lunas atau peraturan mengikut keadilan.

Jadi, barangkali pihak kementerian boleh merancang untuk keluar lebih awal ke kawasan-kawasan luar bandar, ke kampung-kampung atau pekan-pekan kecil yang banyak terlibat dengan soal tanah ini nanti, yang akan diselesaikan secara cepat atau secara cekap seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri melalui pembentangan tadi, melalui Danaharta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin menimbulkan rasa pembelaan sedikit kepada pihak ketiga ataupun pihak yang menyebabkan tanah mereka tergadai, dicagar sama ada dengan kesedaran ataupun kerelaan mereka

mahupun secara tanpa rela ataupun tidak berapa faham soal tanah ini telah berada di bank.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan kita mengalami ataupun dapat melihat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya dari negeri Perak tadi, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, ada pihak ketiga yang tanah mereka berada di bank semasa tanah mereka diizin, golongan yang mengizinkan tanah mereka dicagar dengan nilai katalah semasa itu RM50,000, kemudian setelah sekian lama, perniagaan mereka bukan besar sangat, RM50,000 pada masa itu sudah cukup besar, perniagaan gagal, sekarang memang gagal dan pinjaman berjumlah melebihi RM100,000 dengan faedah terkumpul, sudah besar anak dari pokok sampai RM200,000 dan sebagainya.

Kedua, masalahnya bila tanah ini diambil alih oleh Danaharta dengan proses yang begitu mudah dan cepat, memang saya menyokong secara pengambilan mudah dan cepat, dengan nilai semasa seperti yang diterangkan, katalah kalau tanah semasa dicagar lima tahun dahulu RM100,000, sekarang nilai semasa katalah depreciation perbezaan turun 30%, mungkin RM70,000, mungkin RM50,000, tanah dicagar RM100,000 sekarang sudah turun RM50,000 bermakna Danaharta akan memiliki tanah dengan harga yang lebih murah pada masa sekarang, Danaharta mempunyai kekuatan kewangan melalui suntikan modal oleh kerajaan.

Selepas tiga tahun lagi, tanah ini dilupus tanpa dibuat pengurusan apa-apa, sekadar memegang selama tiga tahun, bila ekonomi pulih, nilai tanah itu mungkin meningkat kepada RM200,000 atau RM300,000. Bermakna keuntungan yang akan dimiliki oleh Danaharta melalui pelupusan tanah ini besar. Maka saya ingin bertanya apakah kemungkinan pihak kerajaan ataupun melalui Danaharta untuk

memberi pertimbangan pembelaan kepada pihak ketiga, tuan yang tanahnya telah diambil oleh Danaharta dilupuskan kepada pihak ketiga melalui proses private treaty dan sebahagian dari keuntungan itu, itu saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian dipulangkan balik kepada pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua dari segi pembelaan kepada masyarakat atau kumpulan kecil di kampung yang terlibat dengan soal tanah mereka dicagar di bank yang akan diselesaikan melalui Danaharta dan sebagainya ini, ialah dari segi harga semasa.

Saya yakin kalaulah pihak ketiga, pihak pemilik tanah atau tuan tanah itu diberi peluang dengan harga yang rendah sekarang dengan dihapus kira faedah terkumpul, saya rasa mereka masih mampu memiliki. Soal sekarang pihak bank susah ataupun kurang bersetuju untuk diberi peluang menghapus kira faedah yang terkumpul oleh pihak pencagar yang merupakan syarikat perniagaan. Maksud saya ada tiga pihak, syarikat A mendapat tanah untuk dicagar tanah milik pihak ketiga, pihak ketiga tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam syarikat tetapi dengan rela hatinya memberi peluang menolong kenalan, saudara dan sebagainya untuk tanah itu dicagar untuk mendapat pinjaman.

Jadi, dalam hal ini saya rasa kalau tuan tanah berkenaan diberi peluang dengan harga semasa, harga lebih rendah dan diberi peluang untuk hapus kira faedah yang terkumpul oleh syarikat peminjam itu, saya rasa ini peluang yang baik kepada tuan tanah untuk memiliki kembali tanah mereka yang telah dicagarkan kepada bank.

Maka saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya Danaharta tidak berlumba-lumba untuk memiliki tanah tetapi berilah peluang kepada pihak

ketiga, pihak tuan tanah untuk memiliki balik tanah mereka dengan harga yang lebih murah dan bank memberi peluang untuk faedah terkumpul itu dihapus kira.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya ingin mendapat kepastian, saya tidak pasti di negeri-negeri lain tetapi kalau di negeri Kelantan ada banyak masalah sedikit bila disebut soal tanah ini. Soal pemilikan tanah oleh Danaharta mungkin ada borang-borang ataupun form tertentu seperti Borang 1A, 1B dan sebagainya, untuk pelupusan. Soalnya apakah semudah itu Danaharta boleh dapat memiliki tanah di negeri Kelantan yang peraturannya ataupun syarat-syarat pemilikan tanah di negeri Kelantan agak ketat, begitu juga dari segi pelupusan, apakah kerajaan ataupun melalui Akta Kanun Tanah Negara ini, Kerajaan Negeri Kelantan boleh memberi kerjasama yang erat dalam membantu Danaharta mendapat milik tanah dan seterusnya suntikan modal diberi kepada bank-bank di Kelantan yang juga terlibat dengan soal kecairan modal di dalam bank masing-masing.

Di Kelantan masih ada pihak yang bercakap lain dan buat lain. Melalui pengalaman saya, soal tanah adalah soal besar yang menghantui kita di Kelantan walaupun tanah itu telah dibeli tetapi masih ada pihak dan atas sebab-sebab kepentingan politik mereka, tanah itu masih tidak boleh dimiliki atau boleh diperintah, disempurnakan atau dibangunkan oleh pihak pembeli. Maka kemungkinan ataupun saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana jaminan dapat diberi supaya proses pemilikan, perletakan dan pelupusan tanah di Kelantan berjalan mudah seperti negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Akta ini dengan harapan segalanya berjalan lancar dengan harapan pembelaan yang sewajarnya diberi seadil-adilnya kepada pihak ketiga, pihak tuan tanah dan saya doakan semoga hasrat kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara melalui Danaharta dan melalui kelulusan Akta untuk memulihkan atau memudahkan pemilikan, pengurusan dan pelupusan tanah ini berjalan dengan baik.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 ini.

5.52 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba memberi pandangan yang sedikit sahaja mengenai Pindaan Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kanun Tanah Negara telah pun dibuat pindaannya beberapa tahun yang lalu tetapi kita tidak menafikan kemungkinan ada tanah-tanah yang tergadai terutama tanah milik bumiputera. Disebabkan kemungkinan projek-projek yang terpaksa menemui kegagalan. Ini satu andaian saya. Oleh itu usaha kerajaan bagi membuat atau membentuk mekanisme yang akan diusahakan dengan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara akan diubahsuai maka saya ingin mengingatkan kepada pihak kerajaan supaya pengawalseliaan terhadap tanah-tanah negara mesti dikekalkan sebagai hak kerajaan demi untuk menjaga masa depan rakyat dan negara. Jangan sampai mengejar pembangunan negara tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham usaha-usaha kerajaan sama ada dalam bentuk Dana Negara dan Kanun Tanah Negara bagi mengumpulkan dana dengan tujuan ingin menyelamatkan syarikat-syarikat yang menanggung hutang, maka Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ingatkan sekali lagi usaha-usaha murni kerajaan untuk membela nasib penghutang janganlah sekali-kali pihak kerajaan dalam apa bentuk mekanisme yang akan dijalankan sehingga akhirnya tanah-tanah tersebut terlepas ke tangan orang lain. Memandangkan halatuju dan matlamat pindaan Kanun Tanah Negara tidak begitu jelas pada diri saya, saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan supaya berhati-hati untuk melakukan pindaan kanun tersebut kerana sejarah pindaan dahulu telah memperlihatkan ada tanah-tanah rizab Melayu terlepas ke tangan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita menuju kepada satu penyelesaian untuk menyelamatkan hak-hak negara tetapi selagi ianya mengamalkan dasar riba dan penindasan selama itulah kita akan menghadapi ataupun menemui kegagalan. Oleh

yang demikian saya tetap berpegang kepada pengarahan Al-Quran dan pesanan Baginda Rasulullah S.A.W. supaya keberkatan dalam menguruskan pentadbiran dunia haruslah meletakkan matlamat keredaan Allah sebagai kayu ukurnya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin ingatkan supaya Pindaan Kanun Tanah Negara dijalankan mengikut prinsip dan dasar yang diredai kerana dengan landasan ini sahajalah keadilan dapat dirasai oleh seluruh masyarakat dan rakyat dan dengan kesaksamaannya dapat dikendalikan maka keharmonian kehidupan rakyat dapat hidup dengan baik. Oleh itu Baginda Rasulullah S.A.W. mengingatkan dalam suatu hadis [*membaca sepotong hadis*] ertinya, "*Bertenang bagi mengatasi sesuatu perkara adalah jalan anjuran Allah, gopoh dan laju itu merupakan sesuatu yang agak perlu diprihatin*". Maka dengan ini saya turut bersetuju sekiranya penggubalan Kanun Tanah Negara tidak akan menjejaskan hakmilik kaum bumiputera dan masa hadapan rakyat dan negara akan tetap terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Timbalan Menteri sila jawab.

5.58 ptg.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya sangat menghormati Ahli-ahli Dewan Negara kerana Yang Berhormat semua merupakan tokoh-tokoh masyarakat dan pentadbiran yang begitu berpengalaman dan begitu matang, jadi saya merasa takut sedikit kerana terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih pakar daripada saya dalam bidang hal ehwal tanah terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan peguam.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya tidak dapat menjawab semua perkara dengan terperinci saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa pegawai-pegawai saya pun telah meneliti pandangan yang dikemukakan dan kami akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, di samping menyokong Rang Undang-undang ini menyoal rasional di belakang cadangan memberi kuasa kepada Danaharta melupuskan aset secara statutory vesting kepada pembeli. Seperti saya katakan tadi, kita perlu memberi kelonggaran kepada Danaharta iaitu satu badan kerajaan supaya ia dapat bertindak dengan cepat dan cekap. Dengan kelonggaran untuk menjual dan melupus aset secara statutory vesting. Jadi ia akan memudahkan kerja Danaharta.

Beliau juga bertanya apa akan jadi sekiranya pemegang caveat tidak bersetuju. Sekiranya pemegang caveat tidak menandatangani Borang 1(B)A jadi caveat itu tidak dipindahkan kepada Danaharta. Dato' Haji Mohd. Zuki pun ada membangkitkan tentang penilaian. Ini satu isu yang penting dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zuki dan juga Senator Mustaffa Kamal kerana metodologi penilaian sedang diuruskan oleh pihak pentadbiran dan kami mengumumkan tidak lama lagi.

Berkenaan dengan pembelian NPL daripada bank oleh Danaharta seperti Yang Berhormat Senator Zuki sedia maklum ini dibuat secara 'willing buyer, willing seller' tentulah dalam menentukan harga jualan NPL daripada bank kepada Danaharta, nilai tanah yang dicagar itu diambil kira tetapi tentang tanah yang dijual oleh Danaharta kepada pembeli, kepada acquiree ia harus berdasarkan kepada penilaian harga pasaran yang dibuat oleh penilai-penilai yang bebas, profesional dan berwibawa akan dibuat dan metodologi akan diumumkan tidak lama lagi.

Beliau juga telah bangkitkan tentang syarat-syarat yang biasanya dikenakan ke atas tanah misalnya kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan sebagainya. Menurut seksyen 19 Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad,

Danaharta hendaklah mendapatkan kelulusan-kelulusan yang diperlukan daripada kerajaan negeri.

Ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Mohd. Zuki, beliau menyoal apa akan jadi sekiranya Danaharta membeli banyak tanah dan kemudian ia tidak dapat menjual tanah-tanah tersebut. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Danaharta merupakan badan pengurusan aset dan pakar-pakar dalam pengurusan aset akan dilantik dan akan berkhidmat untuk Danaharta dan itu sebab Danaharta diwujudkan supaya pakar-pakar dilantik dan mereka akan membantu Danaharta memasarkan tanah-tanah yang diperolehi.

Dato' Zuki juga bertanya mengenai kuasa Menteri untuk meminda bahagian-bahagian tertentu. Sukacita saya menjelaskan bahawa hanya Jadual Kelima Belas sahaja yang terlibat dan peruntukan lain tidak terlibat dalam kuasa Menteri dalam membuat pindaan. Sebenarnya kuasa Menteri bukan beliau sendiri, Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi haruslah mendapat persetujuan Majlis Tanah Negara dan sebelum satu perakuan di bawa ke Majlis Tanah Negara ia harus terlebih dahulu ditimbang dan diluluskan oleh Jemaah Menteri. Jadi biasanya pindaan ini akan dilaksanakan selepas persetujuan diberi oleh Jemaah Menteri dan Majlis Tanah Negara yang di mana semua kerajaan negeri akan diwakili.

Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal membangkitkan soal penilaian. Tadi saya pun telah jawab. Beliau ada tanya tentang private caveat, adakah ini termasuk any private caveat? Untuk makluman beliau saya diberitahu oleh pegawai undang-undang bahawa ungkapan 'private caveat' memang merujuk kepada mana-

mana private caveat dengan izin singular includes the plural and vis-à-vis. Tentang waris-waris yang Senator Mustaffa Kamal bangkitkan, pemegang letter of administration iaitu waris yang mentadbir harta pusaka boleh selesai hutang yang berkenaan. Pewaris akan juga diberi hak sebagaimana terdapat kepada pencagar.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin ada membangkitkan beberapa, perkara terlebih dahulu ingin saya menjelaskan bahawa pindaan kepada Kanan Tanah Negara ini telah dibawa ke Majlis Tanah Negara dan Kerajaan Kelantan pun mengambil bahagian dalam mesyuarat itu dan Kerajaan Kelantan bersetuju dengan pindaan yang kita bincangkan hari ini. Jika ada sekatan ke atas tanah, beliau kata haruslah mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri. Seperti saya kata tadi, Danaharta tertakluk kepada syarat-syarat yang ada dan ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Tentang pandangan-pandangan lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin ingin saya mengatakan di sini bahawa kami akan memberi pertimbangan berat kepada mereka.

Senator Jamilah binti Ibrahim berkata beliau akan menyokong Rang Undang-undang ini sekiranya hak-hak bumiputera tidak terjejas. Ingin saya memberi jaminan bahawa tanah rizab Melayu tidak akan terlepas ke tangan orang lain melalui pindaan Kanun Tanah Negara ini. Sekatan-sekatan semua kekal dan apa-apa keputusan yang dibuat pun tertakluk kepada Akta-akta Rizab Tanah Melayu dan juga hak-hak pihak ketiga semua terpelihara.

Sekali lagi ingin saya menjelaskan bahawa kelonggaran ini diperlukan oleh keadaan semasa. Kita perlu memulihkan ekonomi dengan secepat mungkin dan kelonggaran ini hanya diberi kepada Danaharta dan Danaharta

merupakan badan kerajaan yang bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong pindaan kepada Akta Kanun Tanah Negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4-

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: [*Bangun*]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dahulu.

6.12 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, seorang Peguam, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyentuh sedikit, saya tidak berapa hendak faham berkaitan dengan undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang pertamanya saya ingin menyatakan rasa kurang senang saya berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang banyak menggunakan Bahasa Inggeris. Saya rasa ini satu perkara yang perlu diberi perhatian kerana undang-undang yang bersangkutan dengan Akta Kanun Tanah Negara ini adalah penting dan sepatutnyalah kita sudah lama merdeka, menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Yang keduanya, apabila saya rujuk balik kepada Fasal 14, 15, 16 dan khasnya 18 dan 19, di dalam Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, memandangkan pindaan Akta Tanah ini adalah sebagai complementary kepada Akta Pengurusan Danaharta, jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bersangkutan dengan fasal-fasal yang saya sebut tadi, yang memangnya ada kaitan dengan pindaan Akta Tanah ini. Perkara yang ingin saya mendapat penjelasan, satu contoh bersangkutan dengan Fasal 18 itu, berkenaan tanah yang milik kita di Singapura yang sekarang ini menjadi pertikaian, bagaimanakah kedudukan perkara-perkara yang seperti ini? Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki hendak bercakap?

6.13 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya berkenaan dua perkara iaitu 5C(1), dengan izin, "..... modifications to the National Land Code to facilitate the implementation of the Pengurusan Danaharta Nasional Berhad Act 1998 shall apply and the Act shall be read subject to the provisions of the Schedule.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya "facilitate" di sini adakah Danaharta tadi dengan kita hendak memberi kuasa kepadanya untuk mengambil alih NPL tadi. Adakah ianya menjadi conduit sahaja. Bermakna dia ambil alih harta yang tidak boleh dijual, tidak boleh dibayar tadi, tunggu siapa yang nak beli kemudian bila ada orang hendak beli, dinilai, baharu dijual ataupun dia bayar terus duit kepada harta-harta yang digadai tadi, yang tidak boleh bergerak disebabkan tidak ada duit hendak membayar, kalau ini berlaku, modification to facilitate, saya boleh tanya hanya di bawah ini, sebab tidak sempat, jadi adakah semua cagaran NPL diambil alih oleh Danaharta, apa akan terjadi kepada harta-harta ini jikalau mereka tidak boleh jual, jadi satu beban pula kepada Danaharta, habis juga duit negara. Jadi bagaimana pemilihan, semua sekali ambillah atau pilih yang cantik-cantik,

yang mana ada harga, yang mana tidak ada harga tidak perlu beri kepada Danaharta. Jadi perkataannya - facilitate the implementation. Itu satu.

Yang keduanya, saya hendak tahu dari segi modifikasi tadi, sebab banyak sangat kuasa diberi kepada Menteri includes amendments (pindaan), additions (tambahan), deletions (dimansuhkan/ditukarkan), substitutions (digantikan), adaptations (disempurnakan) and non-application of any provision dan mana-mana provision yang tidak boleh digunakan, dimansuhkan. Jadi kuasa ini terlalu banyak diberi kepada Menteri, jadi apa dia yang di dalam modification, dan apa pandangan kerajaan dalam ini yang hendak ditukar, diubahsuai nanti. Supaya ahli Dewan tahu perkara ini Tuan Pengerusi, khususnya tadi, saya takut beban nanti RM25 juta nanti, tidak cukup duit!

Tuan Pengerusi: Silakan Puan Mastika.

6.17 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga, apabila mendengarkan perbincangan-perbincangan daripada Yang Berhormat rakan-rakan ahli Dewan tadi, didapati bahawa Rang Undang-undang ini dari segi keperluannya memang tidak dapat kita nafikan ia adalah selaras dan sejajar dengan Rang Undang-undang Danaharta yang telah pun kita luluskan baru-baru ini. Saya ingin bertanya dari segi implikasi kewangan, di bawah itu ada menyebut Rang Undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya belum dapat ditentukan sekarang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun peruntukan kewangannya belum lagi dapat dijelaskan tetapi dalam bidang apakah kewangan ini diperlukan, kerana saya rasa dalam urusan undang-undang yang kita luluskan ataupun bil yang kita luluskan ini ialah untuk meminda Kanun Tanah Negara untuk memberikan kelonggaran kepada Danaharta supaya urusan-

urusan untuk mereka memproses harta-harta yang sudah tentu terlibat, kebanyakan harta ini ada kaitannya dengan soal tanah dapat dilaksanakan dengan mudah.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan unit khas yang akan mentadbirkan pengurusan tanah yang berkaitan dengan Danaharta kerana buat masa ini pun kita lihat masih ada lagi kerja-kerja yang tertunggak di Pejabat Tanah dan apabila Danaharta ini telah pun beroperasi, sudah tentu memerlukan kerjasama yang begitu erat dalam soal pemindahan milik dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan unit khas? Saya tertarik tadi dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin, sebenarnya saya juga bangun tadi, tetapi pandangan itu telah dikemukakan oleh Datuk Haji Hashim mengenai extension untuk menerangkan kepada masyarakat apa yang telah pun diwujudkan ataupun yang dirancang dan juga dilaksanakan oleh kerajaan, kerana ada pihak yang akan memanipulasikan niat baik dan tujuan ikhlas kerajaan dan kita mendapat discredit, dengan izin, oleh rakyat dalam usaha-usaha kita untuk kita untuk menyelamatkan negara. Adakah ini juga terlibat dengan peruntukan yang disebutkan tadi yang belum lagi dapat ditentukan.

Satu perkara lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengenai penilaian. Penilaian yang berkaitan dengan tanah, buat masa sekarang ini saya difahamkan bahawa kalau kerajaan hendak menentukan nilai harga tanah di negara kita, selalunya kita merujuk kepada Jabatan Penilaian dan Harta dan Jabatan Penilaian dan Harta ini selalunya menyimpan rekod kepada urusan niaga yang sering berlaku dalam keadaan ataupun dalam satu-satu masa yang tertentu.

Tetapi dalam soal ini kita dapati bahawa mereka yang terlibat dalam urusan jual beli tanah ini untuk mereka mengelakkan cukai 1% yang dikenakan mereka sering memaklumkan kepada pihak Pejabat Tanah iaitu urusan niaga mereka dalam nilai yang lebih kecil daripada nilai yang sebenarnya berlaku dan nilai ini menjadi

nilai rujukan kepada Jabatan Penilaian dan Harta. Ini akan memungkinkan apabila keputusan dibuat oleh pihak kerajaan/Pejabat Tanah melalui rujukan kepada angka yang palsu untuk tujuan mereka melarikan diri daripada cukai 1%. Ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati ataupun menimbulkan keadaan yang tidak adil dalam urusan jual beli yang ditentukan oleh pihak penilaian. Jadi itu tiga perkara yang saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian, terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Boleh saya jawab, kalau kemudian nanti saya lupa.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi ada tanda, ada ingatan bukan? Yang Berhormat ada ambil note bukan, apa yang hendak dijawab.

Dr. Goh Cheng Teik: Kalau saya boleh jawab kemudian saya beri peluang lagi untuk ..

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab akhir sekali, hujung sekali. Bukan di tengah-tengah tidak boleh. *[Ketawa]*

Puan Kamalia binti Ibrahim: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan di bawah Fifteenth Schedule ini, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang dimaksudkan - which expression shall include any of its subsidiaries defined under the Act. Saya ingin penjelasan on the subsidiaries mengapa perlunya subsidiaries, apa implikasinya?

Yang keduanya ialah tentang 'statutory vesting', 'transfer certificate', 'vesting certificate' yang merupakan instrument-instrument yang membolehkan pindah milik didaftarkan. Kita tahu bawah Torrens System, Undang-undang Tanah, perlu adanya instrument-instrument untuk pendaftaran. Adakah ini merupakan instrument-instrument yang baru diwujudkan dan bagaimanakah kita dapat melihat ia sebenarnya dapat merupakan instrument yang sebenar-benarnya tidak dapat dipertikaikan.

Yang ketiganya ialah di bawah Fifteenth Schedule ada lima ini - on the private treaty 5(2)(b) "contract of sale and purchase", yang saya ingin kaitkan kepada 4(c) tentang notis. Kalau notis telah diberi satu bulan kalau dia tidak juga

“...the notice is not complied, with, he shall proceed to exercise the sale by private treaty”. Now private treaty ini di bawah perenggan (5) pula dia menyebut, “ Provided that the chargor may, at any time before the conclusion of the private treaty, remedy the breach specified in subparagraph (4) including tendering the amount due to the chargee and the sale shall be deemed to be terminated:” Soalannya adakah ini merupakan satu notis dari segi notis. Yang keduanya ialah sama ada ianya akan melanggar peruntukan dalam Perlembagaan kerana ianya merupakan satu peruntukan yang kepada saya begitu drastik dan mungkin nanti boleh dicabar di mahkamah.

Saya tahu memanglah hasrat kerajaan mewujudkan Pengurusan Danaharta dan juga Pindaan Kanun Tanah Negara ini untuk mempercepatkan proses penjualan untuk mencairkan kewangan bank. Tetapi, walau bagaimanapun kita tidak mahulah jadi apa yang berlaku dengan undang-undang, Land Acquisition Act, di mana kita kena balik ke Parlimen kena buat pindaan-pindaan dan pelbagai masalah yang timbul kerana ini saya rasa dari segi politiknya akan menimbulkan pelbagai masalah dan juga saya merasakan bahawa bawah perkara 8 (caveat or prohibitory order shall not prevent a transfer dan mengenai perkara ini saya juga inginkan penjelasan dari segi Perlembagaan sama ada constitutional ataupun tidak, sebab banyak perkara yang saya lihat di sini boleh menimbulkan pertikaian dari segi hak asasi mengikut perkara hak kepada harta di bawah Perlembagaan. Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, Senator Haji Abu Bakar dan Dato' Haji Mohd. Zuki bertanya mengapa sebahagian besar daripada Rang Undang-undang ini dibuat dalam bahasa Inggeris, seperti peguam-peguam sedia maklum National Land Code adalah dalam bahasa Inggeris, itulah sebab kita perlu pakai sebahagiannya dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira oleh kerajaan.

Tentang tanah di Singapura, saya diberitahu bahawa ini merupakan tanah rizab Keretapi Tanah Melayu. Senator Dato' Haji Mohd. Zuki tadi ada merujuk kepada 5(c) dan beliau tanya sama ada Danaharta akan membeli semua NPL

daripada bank atau kerana beliau khawatir sekiranya beli semua dan Danaharta memperoleh terlalu banyak tanah untuk dilupuskan. Seperti beliau sedia maklum ada Ahli-ahli Yang Berhormat sedia, maklum Danaharta akan berunding dengan bank-bank, institusi-institusi kewangan yang berkenaan dan setiap NPL saya diberitahu oleh rakan saya daripada Kementerian Kewangan akan dijual berasaskan kepada willing buyer, willing seller, jadi harga itu tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak dan tentulah Danaharta semasa menimbangkan sesuatu NPL tentulah mengambil kira potensi untuk melupuskan hartanah tersebut.

Berkenaan dengan modification saya memang ambil berat apa yang disebutkan oleh seorang tokoh negara yang begitu berpengalaman, kuasa yang diberi kepada Menteri untuk membuat modification itu memang besar tetapi seperti saya jelaskan tadi Yang Berhormat Menteri tidak bertindak sendiri. Beliau harus dapat persetujuan Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selepas itu membawa perkara ini kepada Majlis Tanah Negara yang mana Menteri-Menteri Persekutuan dan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri merupakan anggota dan selepas itu ia digazetkan dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan tindakan Menteri, tentu boleh bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Kemudian Yang Berhormat Senator ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tidak!

Tuan Pengerusi: Sebab masa sudah cukup

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi!

Tuan Pengerusi: Boleh sambung besok?

Dr. Goh Cheng Teik: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan hingga besok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.